

Jilid I
Bil. 19



Hari Isnin
29hb Julai, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2341]**

USUL:

**Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 dan Dasar
Pembangunan Nasional—Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri [Ruangan 2411]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S.
(Dilantik).

„ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ANNUAR BIN MUSA (Dilantik).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S.,
D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN
MOHAMED (Dilantik).

„ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).

„ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau
Pinang).

„ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG (Dilantik).

„ TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH (Dilantik).

„ TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).

„ PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik—Wilayah
Persekutuan).

„ PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang Darulmakmur).

„ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).

„ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).

„ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR (Dilantik).

„ DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).

„ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE (Sabah).
- „ TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD (Sarawak).
- „ TUAN HO CHENG WANG (Perak).
- „ PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNLAN, B.S.K. (Sabah).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- „ DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN MOHAMAD WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK, J.P. (Dilantik).
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN (Dilantik).
- „ TUAN MUSTAFA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN NEO TUAN CHENG (Johor).
- „ TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' NG THIAN HOCK (Dilantik).
- „ DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- „ PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG (Selangor).

- Yang Berhormat PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ PUAN HAJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M.
(Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ DATUK TAN GIM HUA (Pulau Pinang).
- „ DATO' TAN TIEW HOCK (Dilantik).
- „ TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DERUS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 29hb Julai, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PROGRAM LATIHAN
KEMAHIRAN MARA**

1. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan tentang perkara-perkara berikut:

- (a) apakah Kementerian Perusahaan Awam melalui agensinya MARA (Majlis Amanah Rakyat) berhasrat untuk mengembangkan usahanya ke arah meningkatkan taraf Institut Kemahiran MARA (IKM) dan GIAT MARA untuk mengeluarkan diploma profesional;
- (b) setelah hari ini, berapakah jumlah lulusan yang telah mengikuti latihan di Institut Kemahiran MARA di GIAT MARA. Ke manakah arah aliran pekerjaan mereka; dan
- (c) apakah perancangan MARA untuk menganggap hasrat yang terkandung dalam Wawasan 2020, iaitu dalam usaha untuk mewujudkan ramai usahawan bumiputera.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah menjadi hasrat Kementerian Perusahaan Awam supaya program latihan kemahiran yang dianjurkan oleh MARA menerusi Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Pusat GIAT MARA (GIAT) ditingkatkan lagi tarafnya ke tahap yang lebih tinggi. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, MARA telah mengambil pelbagai langkah bagi mencapai hasrat ini. Antaranya termasuklah penubuhan dua buah Institut Kemahiran Tertinggi bagi mengeluarkan pelatih-pelatih kemahiran di bidang teknologi tinggi dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Luar Negeri. Institut-institut berkenaan dikenali sebagai German-Malaysia Institute yang akan beroperasi pada tahun 1992 dan French-Malaysia Institute (FMI) yang masih berada di peringkat perundingan di antara Kerajaan Malaysia dan Perancis. FMI ini dijangka akan dapat beroperasi pada tahun 1993 nanti.

Sebahagian daripada pelatih di kedua-dua Institut ini akan diambil daripada pusat-pusat latihan kemahiran MARA yang sedia ada iaitu IKM dan juga GIAT.

- (b) Sehingga akhir bulan Disember 1990, IKM telah melatih seramai 31,110 orang pelatih di dalam berbagai bidang kemahiran manakala Pusat GIAT pula yang mula beroperasi pada tahun 1986 telah berjaya melatih seramai 7,018 pelatih.

Sebahagian besar daripada lepasan kedua-dua pusat latihan kemahiran ini menceburkan diri mereka di dalam bidang pekerjaan di sektor industri yang sememangnya memerlukan pekerja-pekerja mahir di dalam pelbagai bidang. Terdapat juga sebahagian daripada lepasan pusat-pusat ini yang menjadi usahawan setelah tamat latihan yang diikuti dan juga setelah mendapat pengalaman bekerja di sektor yang mereka ceburi.

- (c) Dalam usaha untuk mewujudkan ramai usahawan di kalangan bumiputera, MARA sentiasa mengambil berbagai daya usaha serta merancang berbagai aktiviti yang boleh menggerak bumiputera ke arah penglibatan secara lebih aktif di dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Antara aktiviti yang sedang dan akan dilaksanakan termasuklah latihan keusahawanan, khidmat rundingcara, galakan pemasaran, kemudahan pengeluaran, pinjaman, penyediaan ruangniaga dan juga pusat teknologi pembungkusan dan perabot.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kriteria dan syarat-syarat yang membolehkan seseorang itu pada segi akademik atau umurnya untuk mengikuti latihan GIAT MARA.

Yang kedua, di manakah negeri-negeri yang GIAT MARA ini telah dijalankan di negara kita?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kriteria bagi mereka yang hendak melibatkan diri dalam Pusat GIAT ialah, satu, mesti menampakkan ada keperluan asas untuk mengadakan latihan-latihan mengikut jumlah bilangan keperluan yang mahu mengikuti kursus itu. Latihan asas akademik tidak kurang daripada SRP dan juga di negeri-negeri yang telah dimulakan adalah pelbagai, saya minta maaf, saya tidak ada datanya. Walau macam manapun, dijangka setiap kawasan Parlimen akan dicuba tubuhkan pusat GIAT ini kerana memandangkan kegiatan ini adalah berasaskan kepada keperluan sebenar. Bererti bahawa latihan asas ini adalah berasaskan kepada keperluan yang ada seperti memperbaiki kereta, cat-mengecat dan sebagainya. Biasanya di setiap pusat ini dikhususkan hanya tiga jenis kursus untuk setiap kali, minima pengambilan sebanyak 60 orang. Jadi jangka masa atau time-framesnya adalah antara 6 bulan hingga 1 tahun latihan yang diperlukan. Jadi tidak memerlukan agak banyak, kecuali keperluan di peringkat setempat (localised).

PERSATUAN PENDUDUK RUMAH PANGSA DBKL

2. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa persatuan-persatuan penduduk yang wujud di rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya berada di dalam keadaan tidak teratur dan tanpa bimbingan tertentu. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil supaya organisasi persatuan-persatuan ini dapat diselaras, diperbaiki, dikawal dan dibimbing oleh pihak DBKL.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah pihak yang bertanggungjawab menguruskan kawasan-kawasan perumahan awam dan memang menggalakkan penubuhan Persatuan Penduduk. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengiktiraf Persatuan-persatuan Penduduk sebagai persatuan yang mewakili semua penghuni termasuklah pertubuhan-pertubuhan sosial lain yang ada di dalam sesuatu kawasan perumahan tersebut.

Sehubungan dengan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa berusaha memberi kerjasama dan bantuan supaya Persatuan Penduduk dapat berfungsi untuk mencapai matlamat penubuhannya. Langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) membantu penubuhan dan pentadbiran Persatuan Penduduk;
- (ii) menyelaras aktiviti/program Persatuan-persatuan Penduduk; dan
- (iii) memantap dan meneguhkan organisasi Persatuan Penduduk.

Pihak Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak Persatuan Penduduk Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa memberi sokongan moral kepada Persatuan Penduduk seperti menghadiri Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Penduduk dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh mereka. Di dalam kes-kes tertentu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga memberi sokongan material demi menjayakan sesuatu

aktiviti anjuran Persatuan Penduduk. Kerjasama, bantuan dan sokongan ini akan sentiasa dan terus diberikan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di masa-masa hadapan. Dengan keadaan demikian, Persatuan Penduduk ini akan menjadi lebih teratur dan sentiasa dibimbing.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengemukakan soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, oleh kerana Persatuan Penduduk ini mengambilalih tugas Jawatankuasa Kemajuan Kampung di peringkat luar bandar, jadi saya tidak berniat untuk hendak dihapuskan persatuan penduduk ini, tetapi saya ingin mencadangkan dan saya ingin tahu dari Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat juga bersetuju supaya pengerusi dan timbalan pengerusi persatuan penduduk ini dilantik oleh Jabatan Perdana Menteri setelah diambilkira latar belakang mereka.

Saya mencadangkan begini oleh kerana terdapat mereka yang memegang jawatan persatuan penduduk ini adalah mereka yang telah tewas dalam pertandingan parti mahupun daripada parti UMNO, MCA atau MIC, maka mereka cuba mencari pengaruh daripada persatuan penduduk. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada Yang Berhormat, bersetuju atau tidak supaya jawatan pengerusi dan timbalan pengerusi ini dilantik daripada Jabatan Perdana Menteri setelah diambilkira semua latarbelakangnya. Manakala dalam persatuan-persatuan lain, pengerusinya dengan secara automatik menjadi ahli Jawatankuasa dalam persatuan itu. Saya ingin tahu sama ada bersetuju atau tidak.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah sangat konstruktif. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih. Kerajaan bukanlah ingin mempertimbangkan, tetapi saya ingin memberi keyakinan bahawa kita akan buat secepat mungkin kerana cadangan ini baik. Kita akan buat secepat mungkin supaya persatuan penduduk yang ada akan diletak di bawah satu organisasi yang lebih luas di semua peringkat di Wilayah Persekutuan di mana pengerusi persatuan tersebut akan dilantik oleh Kerajaan menerusi Bahagian Kemajuan Wilayah agar kita dapat mengatur dengan lebih lancar dan licin persatuan-persatuan ini supaya ianya boleh memberi manfaat yang lebih baik kepada Kerajaan dan orang ramai.

PUSAT SAINS NEGARA— SUMBANGAN DAN FUNGSI

3. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah sumbangan dan fungsi Pusat Sains Negara yang bakal dibina di Bukit Kiara Kuala Lumpur.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, sumbangan dan fungsi-fungsi penting Pusat Sains Negara yang bakal dibina di Bukit Kiara, Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

- (i) Menanamkan kefahaman dan menggalakkan pembelajaran terhadap sains dan teknologi ke arah pembentukan sebuah masyarakat inovatif di bidang sains dan teknologi;
- (ii) Mempopularkan dan menarik minat orang ramai, khususnya generasi muda terhadap sains dan teknologi;

- (iii) Menggubalkan program-program bagi mempercepatkan kefahaman serta minat orang ramai terhadap sains dan teknologi dan kaitannya dalam usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan pembangunan negara dan kualiti kehidupan harian rakyat.

Selain daripada mempamerkan bahan-bahan pameran yang interaktif, pusat ini juga akan mengadakan program-program menarik seperti ceramah, demonstrasi, bengkel dan kursus.

Pusat Sains Negara adalah salah satu komponen penting dalam Pelan Tindakan Teknologi Industri yang sedang dilaksanakan dengan tujuan menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju.

PENIAGA MINUMAN KERAS—KAWALAN

4. Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) kawalan telah dijalankan terhadap peniaga minuman keras tanpa lesen di kampung-kampung tradisional; dan
- (b) bilangan peniaga minuman keras tanpa lesen yang telah diambil tindakan mengikut negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara bentuk-bentuk kawalan yang telah dikenakan terhadap peniaga minuman keras tanpa lesen adalah seperti berikut:

- (i) membuat rondaan, pemeriksaan dan serbuan dari masa ke semasa di kawasan dan

premis-premis yang disyaki oleh Cawangan Pencegah Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja apabila ada maklumat;

- (ii) mengadakan operasi khas membanteras penjualan minuman keras jika ada maklumat risikan mengenai adanya atau bertambahnya kegiatan penjualan secara haram di seluruh negara;
- (iii) memberi hadiah kepada orang ramai yang memberi maklumat yang berjaya memperolehi kes;
- (iv) mendakwa dan mengenakan kompaun ke atas sesiapa yang disyaki dan ditangkap kerana menjalankan kegiatan penjualan minuman keras tanpa lesen;
- (v) melesen orang-orang ataupun premis-premis yang menjalankan kegiatan ini secara sah; dan
- (vi) mengadakan kempen kesedaran mencegah penyeludupan kepada orang ramai di mana dialog dan perbincangan dengan orang awam diadakan dari semasa ke semasa bagi menyedarkan perlunya peranan mereka dalam memberi maklumat mengenai penyeludupan kepada Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan bahagian kedua, bilangan peniaga minuman keras tanpa lesen yang telah diambil tindakan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan</i>
Perak	3
Kedah	3
Selangor	3
Pahang	2

Angka-angka ini adalah untuk tempoh masa 1988 sehingga Jun 1991.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Kementerian Kewangan bahawa satu rancangan perumahan pekerja ladang di daerah Sepang mempunyai 196 rumah dan enam buah kedai, pada hal tiga buah kedai telah pun diluluskan dengan lesen untuk menjual minuman keras. Apakah kaedah-kaedah Kementerian Kewangan untuk meluluskan sesuatu lesen minuman keras di kawasan pendalaman ataupun kawasan kampung seperti di estet?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Untuk maklumat Yang Berhormat, antara pertimbangan yang diberikan oleh Kerajaan semasa menimbangkan permohonan daripada estet-estet ialah untuk tidak menggalakkan penggunaan samsu haram. Oleh itulah maka di beberapa buah negeri telah diluluskan beberapa lesen dalam estet dan kadang-kadang lebih daripada satu untuk menggalakkan persaingan. Tetapi walau bagaimanapun, di beberapa buah negeri umpamanya di Kedah, suka saya maklumkan di sini, atas desakan Kerajaan Negeri Kedah, Kerajaan Persekutuan telah pun memberhentikan pengeluaran lesen todi kepada seluruh negeri Kedah sejak 1-7-1991.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah minuman "Tiger beer" "Bulldog Stout" dan "Carlsberg beer" diistilahkan sebagai minuman keras?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya.

Tuan C. Krishnan: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan lagi? Yang akhir sekali.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kaedahnya sebab dari 6 buah kedai, 3 buah kedai ini diberi lesen? Bagaimanakah jadi ini? Adakah ini untuk

menggalakkan orang ramai supaya meminum minuman keras? Apakah kaedah Kementerian Kewangan?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Seperti mana yang dinyatakan tadi, pertimbangan diberikan bagi tidak menggalakkan penggunaan samsu haram. Dalam kes ini, saya mohon notis, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyasat lebih lanjut tentang kawasan estet yang dinyatakan di Sepang itu.

HASIL LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SELATAN

5. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil kejayaan lawatan Perdana Menteri ke negeri-negeri Amerika Selatan baru-baru ini:

- (a) dari segi hubungan dua hala;
- (b) bidang ekonomi; dan
- (c) lain-lain perkara.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab pada 24-7-1991 semasa menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay. Soalan ini juga adalah bersamaan dengan pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan pada hari ini oleh Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong dan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon. Ini adalah kerana kesemua pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkisar kepada perkara yang sama. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

KADAR KEMALANGAN DI KALANGAN PEMUNGGAH KAPAL

6. Tuan K. Vijayanathan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kadar

kemalangan di kalangan pemungkah-pemungkah kapal dan pengendali-pengendali kargo yang bekerja di pelabuhan-pelabuhan dan kapal-kapal adalah semakin meningkat dan sama ada Kerajaan akan menimbangkan jika perlu untuk meluluskan peraturan-peraturan yang mewajibkan majikan menyediakan dan membekalkan alat-alat keselamatan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Sumber Manusia menguatkuasakan Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan di kilang-kilang sahaja dan tidak mempunyai maklumat tentang kemalangan di kalangan pemungkah-pemungkah kapal dan pengendali-pengendali kargo yang bekerja di pelabuhan-pelabuhan dan kapal-kapal, kerana pekerja-pekerja dalam golongan ini dilindungi oleh, dengan izin, Merchant Shipping Ordinance 1952, di bawah kuasa, dengan izin, Director-General of Marine. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia sedang menggubal satu Akta baru yang akan mengawal keselamatan dan kesihatan di dalam semua bidang aktiviti ekonomi termasuklah pemungkah-pemungkah kapal dan pengendali-pengendali kargo yang bekerja di pelabuhan kapal-kapal. Adalah hasrat Kementerian untuk membentangkan Akta baru ini di Parlimen pada akhir tahun ini.

PENJIMATAN KOS BERIKUTAN RANCANGAN PENSWASTAAN

7. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Kewangan menyatakan sejak penswastasaan dijalankan:

- (a) berapa 'Savings' yang telah Kerajaan capai; dan
- (b) berapa banyakkah cukai pendapatan yang Kerajaan kumpul dari Badan-badan yang telah diswastakan itu.

Tuan Mustapa bin Mohamed:
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjimatan ataupun, dengan izin, 'savings' yang diperolehi oleh Kerajaan berikutan rancangan penswastaan boleh dibahagikan kepada dua kategori. Yang pertama, ia boleh dilihat dari segi penjimatan kos secara langsung iaitu penjimatan pembayaran emolument dan pencen termasuklah lain-lain faedah kakitangan dan kos projek iaitu kos pengurusan dan kos pembangunan. Keduanya, 'savings' boleh dicapai oleh Kerajaan ialah dari segi pengurangan pembaziran dan penurunan kos pengeluaran seunit akibat daripada peningkatan kecekapan hasil dari penswastaan ataupun, dengan izin, efficiency. 'savings' bagi kategori pertama boleh diukur dengan angka manakala 'savings' bagi kategori kedua adalah berbentuk subjektif dan sukar untuk diukur dengan angka secara tepat. Oleh yang demikian hanya 'savings' kategori pertama sahaja yang dapat dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Berdasarkan kepada agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan lain yang telah diswastakan sehingga kini 'savings' atau penjimatan kos secara langsung, emolument dan juga kos projek pembangunan yang telah dinikmati oleh Kerajaan sehingga hari ini ialah kira-kira \$5.663 ribu juta.

- (b) Jumlah cukai pendapatan yang ditaksir daripada badan-badan Kerajaan yang telah diswastakan termasuk syarikat-syarikat Kerajaan yang telah

diswastakan secara penyenaaraian awam dan penjualan ekuiti adalah seperti berikut:

- (i) Tahun Taksiran 1989-
\$9,777,958
- (ii) Tahun Taksiran 1990-
\$40,855,620

PROJEK BEKALAN AIR DI MELAKA

8. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan memulakan projek bekalan air daripada Sungai Muar ke Empangan Durian Tunggal Melaka. Berapakah kos keseluruhannya dan bilakah ia dijangka akan siap. Bagaimana Kerajaan dapat memastikan kontraktor yang berjaya dapat tawaran akan melaksanakan projek tersebut dalam tempoh yang ditentukan agar dapat membantu Melaka menyelesaikan masalah kekurangan air untuk jangka panjang.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan mencadangkan supaya projek penyaluran bekalan air daripada Muar ke Empangan Durian Tunggal, Melaka dapat bermula pada bulan September tahun ini. Buat sementara ini, perundingan masih dijalankan dengan bakal kontraktor dan oleh yang demikian, kos projek belum dimuktamadkan lagi.

Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menyiapkan projek ini dengan secepat mungkin yang boleh. Salah satu syarat dalam kontrak ini nanti untuk memastikan bahawa projek ini disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan adalah syarat penalti di mana kontraktor boleh didenda kerana lewat menyiapkan kerja atau tidak siapkan kerja langsung.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan kepada Dewan ini bahawa cadangan pemasangan paip dari Sungai Muar ke Empangan Durian Tunggal ini, berapa gelen sehari yang boleh dibekalkan untuk kegunaan rakyat Melaka?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, satu dari detail projek ini ialah untuk mendapatkan penyaluran air sehingga ke 35 million gelen sehari dari Sungai Muar ke Melaka.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu saluran paip air yang lalu dari Muar ke Durian Tunggal ini adakah melalui tanah rezab Lebuhraya atau tanah rakyat negeri Johor dan Melaka. Kedua-dua tanah ini, kerana Akta Pengambilan Tanah belum diluluskan, adakah galangan dari pihak Lebuhraya atau rakyat untuk menghalang menyelesaikan masalah paip air ke Melaka?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, projek ini ialah untuk menyalurkan air dengan menggunakan paip yang besar dari Sungai Muar ke Melaka dan ianya akan menerusi tanah-tanah yang sebahagiannya memanglah kepunyaan tanah-tanah sendiri dan mungkin juga kalau dipastikan menggunakan sebahagian dari laluan Lebuhraya Utara/Selatan.

Walau bagaimanapun, laluan-laluan yang tepat belum dipastikan lagi. Walau bagaimanapun juga apa-apa tindakan, Kerajaan mempunyai undang-undang yang cukup untuk mendapatkan kegunaan tanah bagi memasang paip tersebut.

**SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN,
LEKIR, PERAK—PEMBINAAN**

9. Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah dan kos projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 10, Lekir, Perak. Kepada siapa ditawarkan kerja tersebut;
- (b) mengapa dan kenapa kerja-kerja menyiapkan sekolah tersebut masih belum diselesaikan walaupun telah sampai masa dan had tempohnya; dan
- (c) apakah langkah dan tindakan Kementerian bagi memastikan kontraktor dapat menjalankan tanggungjawabnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan yang dibina di Batu 10 Lekir, Perak berjumlah \$2,115,552 dan kontraktor yang melaksanakannya ialah Syarikat Tanaz (Sdn) Bhd yang bertaraf bumiputera.
- (b) Kelewatan penyediaan projek ini disebabkan pihak kontraktor yang terlibat menghadapi masalah kekurangan kewangan dan pengurusan yang kurang cekap. Projek ini sepatutnya siap pada 26hb Ogos. 1990 mengikut jadual kontrak. Surat penamatan kontrak telah dikeluarkan pada bulan Januari tahun ini, akan tetapi setelah mendengar rayuan pihak

kontraktor, kontraktor tersebut diberi peluang untuk menyiapkan projek ini dengan tindakan denda dikenakan sebanyak \$380 sehari.

- (c) Pihak Kementerian telahpun mengarahkan Pengarah JKR Perak selaku Pegawai Pengawas supaya memberi pengawasan yang rapi dan jikalau pihak kontraktor masih tidak menunjukkan kemajuan, tindakan menamatkan kontrak ialah langkah yang terakhir.

AURAD MUHAMMADIAH— PENGLIBATAN PENSYARAH/ GURU/PELAJAR

10. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pensyarah-pensyarah, guru-guru dan pelajar-pelajar yang aktif dalam kumpulan Aurad Muhammadiyah (Darul Arqam);
- (b) sudahkah kajian dijalankan tentang pengaruh negatif pengikut-pengikut Darul Arqam yang akan melemahkan semangat pelajar-pelajar dari menghayati aspirasi Kerajaan Malaysia dalam visi 2020; dan
- (c) berapa ramaikah pelajar-pelajar yang berhenti dari pusat-pusat pengajian tinggi akibat aktif dalam Darul Arqam.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Tidak ada pensyarah-pensyarah dan guru-guru yang terlibat secara aktif dalam kumpulan Aurad Muhammadiyah (Darul Arqam). Jika adapun guru-guru yang mendekati kumpulan ini,

ini ialah kerana mereka telah lama terlibat sebelum kumpulan ini didedahkan sebagai pertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Pada masa ini semua guru dan pensyarah telah diarah supaya menjauhi diri dari kumpulan berkenaan. Penglibatan pelajar-pelajar sangatlah sedikit dan berlaku secara kebetulan kerana ibu bapa mereka terlibat sama dengan kumpulan yang berkenaan. Pada masa ini, mereka sedar bahawa kumpulan Aurad Muhammadiyah ini adalah menyeleweng daripada akidah. Perkumpulan yang ada sekarang lebih tertumpu kepada kegiatan-kegiatan ekonomi dan dakwah mengikut ajaran Islam.

- (b) Kajian secara terperinci belum ada dijalankan. Walau bagaimanapun, kajian secara rambang ada dibuat dan ini memandang bahawa pengaruh negatif Darul Arqam tidaklah banyak melibatkan penuntut-penuntut sekolah. Kegiatan Darul Arqam sendiri telah dilarang memasuki mana-mana sekolah. Pelajar yang terlibat dengan kumpulan ini adalah mereka yang telah meninggalkan sekolah atau sejak awal lagi tidak bersekolah dengan sekolah-sekolah Kerajaan tetapi mengikuti sekolah-sekolah kumpulan tersebut. Jadi perkara ini diberi perhatian khas oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- (c) Kementerian Pendidikan tidak mempunyai perangkaan pelajar-pelajar yang berhenti dari pusat pengajian tinggi akibat aktif dalam Darul Arqam. Ini adalah kerana ada banyak sebab pelajar berhenti daripada pusat pengajian tinggi termasuk masalah rumah tangga, masalah

keluarga, masalah kewangan dan juga yang telah mendapat peluang-peluang pekerjaan yang baik dan sebagainya. Tidak semua pelajar yang berhenti itu menyatakan sebab sebenarnya mereka ini berhenti.

PROJEK PERSEKUTUAN DI KELANTAN—PELAKSANAAN

11. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebagaimana kita tahu bahawa Negeri Kelantan adalah di bawah pemerintahan parti pembangkang, apakah usaha-usaha Kementerian Kewangan untuk menjayakan pelaksanaan projek Persekutuan di Negeri Kelantan; dan
- (b) berapa banyakkah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RMK) yang diperuntukkan untuk membangunkan Negeri Kelantan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, peranan Kementerian Kewangan adalah seperti biasa iaitu menyediakan peruntukan-peruntukan kepada agensi-agensi Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek di seluruh negara mengikut sektor termasuk Negeri Kelantan. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak \$2,064 juta diperuntukkan kepada Negeri Kelantan berbanding dengan \$1,933 juta yang telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Ini bermakna dalam Rancangan Malaysia Keenam, negeri Kelantan telah diberi peruntukan sebanyak \$131 juta lebih daripada peruntukan yang diberi dalam Rancangan Malaysia Kelima.

SKIM MEMILIK RUMAH PEKERJA

12. Tuan C. Krishnan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah ladang yang telah bersetuju membina dan menjual rumah kepada pekerja-pekerjanya di bawah Skim Pekerja Pemilik Rumah (Estate Housing Ownership Scheme). Nyatakan tindakan bagi menggalak lebih banyak lagi ladang untuk menyertai skim ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Skim Memilik Rumah Pekerja dilancarkan pada tahun 1973, sebanyak 52 buah ladang dan lombong telah bersetuju menyertai skim ini. Untuk menggalak dan mendorong para majikan menyertai Skim ini, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) penubuhan sebuah Jawatankuasa Koordinasi Kebangsaan bagi Skim Memilik Rumah Pekerja yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dengan fungsinya untuk merumus dasar dan pelarasan aktiviti-aktiviti berkenaan;
- (ii) penubuhan sebuah Jawatankuasa Kerja bagi melaksanakan dasar-dasar yang telah dirumus oleh Jawatankuasa Koordinasi Kebangsaan;
- (iii) Jabatan Buruh sentiasa menggesa perkembangan dalam pelaksanaan Skim ini oleh majikan-majikan serta memberi bantuan dan khidmat nasihat yang diperlukan di samping menggesa majikan atau pemilik-pemilik ladang untuk menyertai Skim ini sebagai langkah-langkah jangka-panjang mengatasi

masalah penghijrahan tenaga kerja ke ladang-ladang yang meruncing;

- (iv) mendapatkan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang bersangkutan untuk mempercepat pelaksanaan skim ini;
- (v) Kementerian Sumber Manusia mengetahui bahawa agen pelaksanaan skim perumahan pekerja-pekerja ladang dan lombong adalah Kerajaan-kerajaan Negeri.

Memandangkan sistem pelaksanaan perlu diselaraskan, maka pada 20hb Mei 1991 semua ahli-ahli Exco yang mewakili Kerajaan-kerajaan Negeri dalam hal ini telah dijemput oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia ke Kementerian untuk diberi taklimat mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh Skim ini. Tujuannya adalah untuk menyelaraskan prosedur-prosedur pelaksanaan Skim ini di setiap negeri. Kementerian juga bercadang untuk mengadakan mesyuarat ini pada masa-masa yang akan datang supaya masalah-masalah yang dihadapi bagi melaksanakan Skim ini dapat diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia bahawa banyak tanah-tanah pada masa sekarang diambil untuk pembangunan industri dan lain-lain? Oleh yang demikian, ramai pekerja sedang dan akan meninggalkan estet. Adakah cadangan dari Kementerian untuk mewujudkan satu polisi untuk menentukan skim rancangan bagi pekerja-pekerja ladang?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari Yang Berhormat berkenaan, cadangan itu baik tetapi setakat ini Kementerian tidak ada cadangan seperti itu.

PENCEMARAN UDARA DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

13. Tuan David Yeoh Eng Hock minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar bahawa kotaraya Kuala Lumpur adalah salah sebuah bandaraya yang paling tercemar udaranya. Ini kerana ia mengandungi kadar tinggi polynuclear aromatic hydrocarbon, habuk dalam udara, hujan asid dan partikel yang tidak boleh disedut seperti bahan-bahan arsenik, kadmium dan sebagainya yang boleh mengakibatkan kanser paru-paru dan penyakit di bahagian-bahagian lain sistem pernafasan; dan
- (b) memandangkan bahawa bilangan pesakit lelah yang tinggi di kalangan kanak-kanak di bandaraya-bandaraya utama negara ini adalah berkait rapat dengan masalah pencemaran udara yang semakin serius, apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal masalah kesihatan ini dan demi mewujudkan sebuah negara yang bebas dari pencemaran udara.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sedar bahawa Bandaraya Kuala Lumpur seperti bandar-bandar lain yang pesat dengan pembangunan adalah tercemar udaranya, tetapi saya tidak bersetuju bahawa ia adalah sebuah bandaraya yang paling tercemar udaranya. Mengikut laporan, dengan izin, "The World Resources Institute" 1988-1989, Kuala

Lumpur disenaraikan sebagai bandaraya yang duduk di tangga 14 dari 41 buah bandaraya yang lain yang tercemar udaranya dari aspek kandungan habuk terampai.

Mengenai keadaan hujan asid, ianya adalah dikesan di beberapa tempat di ibukota ini. Pengawasan kandungan arsenik di udara tidak dijalankan memandangkan pembekalan arang batu yang merupakan punca terbesar pencemaran arsenik di udara tidak dilakukan secara besar-besaran di bandaraya ini. Kandungan kadmium di udara adalah rendah, iaitu kurang daripada 0.01 mikrogram semeter padu dan berada pada paras yang selamat yang disarankan oleh World Health Organisation.

Saya difahamkan bahawa sebuah universiti tempatan sedang menjalankan kajian mengenai kedudukan polynuclear aromatic hydrocarbon di udara dan setakat ini Jabatan Alam Sekitar belum menerima laporan lengkap mengenai kajian tersebut.

Setakat ini tiada laporan daripada pihak yang berkuasa bahawa udara di Kuala Lumpur khususnya yang mengandungi bahan-bahan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat boleh mengakibatkan kanser paru-paru dan penyakit di bahagian-bahagian lain sistem pernafasan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana jawapan untuk bahagian (b) adalah agak panjang, saya minta izin untuk menyampaikan jawapan ini secara bertulis.

KTM—LANDASAN BERKEMBAR/KAMERA MENGESAN KELAJUAN KENDERAAN

14. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah rancangan pembinaan landasan kembar keretapi hendak dilaksanakan; dan
- (b) adakah kamera mengesan kelajuan kenderaan yang dipasang di Lebuhraya Karak berkesan dan berjaya mengurangkan kadar kemalangan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, KTM sedang melaksanakan projek pembinaan landasan berkembar di sektor yang paling sibuk iaitu antara Rawang dan Seremban dan Sentul ke Kuala Lumpur dan Pelabuhan Kelang termasuk landasan ke Lapangan Terbang Subang.

Projek landasan berkembar ini juga merangkumi permodenan sistem persembayanan dan komunikasi, pembelian 18 set tren electric multiple units, dengan izin, dan 10 buah lokomotif serta 200 gerabak. Kerja-kerja telah pun mula dilaksanakan dan projek ini dijangka dapat disempurnakan pada tahun 1993. Apabila siapnya projek ini kelak, KTM dijangka akan dapat meningkatkan keupayaan pengangkutan barang dan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang kedua, adalah terlalu awal untuk membuat penilaian terhadap keberkesanan alat-alat had laju berkamera automatik yang dipasang di Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak. Alat berkenaan hanya mula beroperasi pada 1hb April, 1991. Bagaimanapun, kadar kemalangan jalanraya di Lebuhraya

ini bagi tempoh April hingga Jun, 1991 telah menunjukkan penurunan berbanding dengan bulan-bulan sebelumnya. Jumlah kemalangan yang dilaporkan di Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak bagi tempoh Januari hingga Jun, 1991 adalah seperti berikut:

Januari	73
Februari	77
Mac	100
April	82
Mei	47
Jun	53

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 15.

EAEG—PENUBUHAN

15. Tuan Chong Chi Siong (*di bawah S.O.23 (2)*) minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setelah banyak negara menyokong penubuhan EAEG, bilakah "Grouping" ini akan dilancar dengan rasminya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato Dr K.S. Nijhar): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat hari ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam Dewan yang mulia ini ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Tan Tiew Bock pada 24-7-91. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embon pada 25-7-91; Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong pada 26-7-91;

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah pada 1-8-91; Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah; Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay dan Yang Berhormat Tuan K. Munisamy pada 6-8-91. Oleh yang demikian, saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

KESESAKAN LALULINTAS ANTARA IPOH-KUALA LUMPUR/ TAIPING- BUTTERWORTH

16. Tuan K. Munisamy minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di antara Ipoh dan Kuala Lumpur serta Taiping ke Butterworth.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun melaksanakan pembinaan Lebuhraya Utara/Selatan secara penswastan di mana bahagian jalan berkenaan iaitu Kuala Lumpur ke Ipoh dan Taiping ke Butterworth adalah merupakan komponen projek tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lagi, pembinaan lebuhraya bagi bahagian Kuala Lumpur/Ipoh dan Taiping/Butterworth dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 1993 atau 1994.

Tuan K. Munisamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal Timbalan Menteri Kerjaraya, di sepanjang jalan Ipoh ke Kuala Lumpur dan juga Taiping ke Butterworth, dalam lingkungan kawasan manakah terjadinya yang paling banyak kemalangan jalan raya? Sila jelaskan.

Setakat ini, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk mengatasi masalah ini. Kebelakangan ini sering berlaku kemalangan jalan raya yang melibatkan bas-bas dan lori-lori. Ini adalah disebabkan oleh pemandu bas dan lori yang memandu dengan laju tanpa mengikut had kelajuan. Apakah jenis tindakan yang diambil ke atas pemandu bas dan lori-lori?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini berkenaan apa? Soalan asal bukanlah ditujukan kepada Menteri Pengangkutan.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini terkeluar daripada soalan pokok.

WAWASAN2020— GARISPANDUAN

17. Puan Law Jack Yoon minta Perdana Menteri menyatakan berhubung Tahun 2020 yang telah ditetapkan untuk Malaysia muncul sebagai negara yang maju, dan apakah garis panduan yang penting dan serta-merta yang dirancang untuk berbagai Kementerian dan rakyat supaya Wawasan itu menjadi satu kenyataan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 24-7-1991 yang lalu. Saya tidak ada apa-apa tambahan untuk diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Frankie Chong Yu Chee.

Puan Ida Dumpangal nee Ida Undan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 18.

PROJEK TENAGA ELEKTRIK HYDRO TENOM-PANGIE, SABAH

18. Puan Ida Dumpangal nee Ida Undan (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk melaksanakan Projek Fasa II Tenaga Letrik Hydro Tenom-Pangie di Sabah memandangkan ramai lagi penduduk luar bandar di negeri Sabah belum menikmati bekalan elektrik.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang membuat kajian terperinci mengenai permintaan tenaga elektrik di seluruh negeri Sabah dan perancangan penjanaaan untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah.

Projek Hidro Elektrik Tenom Pangie Fasa III adalah salah satu opsyen pembangunan penjanaaan Hidro Elektrik di samping Projek Hidro Elektrik Liwagu dan juga Upper Padas. Dalam tempoh jangkamasa panjang kemungkinan sambungantara Sarawak dan Sabah juga sedang dikaji berdasarkan potensi Hidro Elektrik Sungai Rejang dan sumber gas di kawasan Miri dan Bintulu, Sarawak.

Pelaksanaan opsyen-opsyen projek penjanaaan di atas akan diputuskan setelah kajian terperinci itu selesai dan syor-syor rancangan penjanaannya diluluskan oleh Kerajaan.

PUSAT KEWANGAN PESISIR ANTARABANGSA LABUAN

19. Tuan Isli bin Haji Siput minta Menteri Kewangan menyatakan matlamat Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa dan Industri sokongan yang dapat membantu meningkatkan ekonomi negara.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa atau, dengan izin, International Offshore Financial Centre (IOFC).

Di negara-negara IOFC yang telah maju dan terkenal seperti di Guernsey, Isle of Man dan Bahamas, hasil daripada Pusat Kewangan ini menyumbang hampir 25% daripada Keluaran Negara Kasar mereka. Apabila Wilayah Persekutuan Labuan mencapai status IOFC yang berjaya, adalah diharapkan aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan ini akan menjadi penggenap kepada aktiviti-aktiviti sektor kewangan yang berpusat di Kuala Lumpur.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Persekutuan Labuan juga akan dimajukan sebagai salah sebuah daripada destinasi pelancongan negara dan pusat konvensyen antarabangsa. Usaha-usaha ini akan membantu Kerajaan membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan serta mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan serta meningkatkan prestasi ekonomi negara secara keseluruhannya.

JABATAN MUZIUM— PERUNTUKAN TAHUNAN

20. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berapakah peruntukan tahunan yang diberi kepada Jabatan Muzium. Apakah ada sumbangan-sumbangan dari pihak lain seperti UNICEF misalnya di dalam pemuliharaan dan pengumpulan khazanah warisan negara dan budaya bangsa.

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan tahunan bagi Jabatan Muzium bagi tiga tahun yang kebelakangan ini ialah:

<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan Mengurus</i>	<i>Peruntukan Pembangunan</i>
1989	\$3,600,500	\$4,000,000
1990	\$3,825,500	\$5,100,000
1991	\$4,200,000	\$6,300,000

Pihak lain termasuk swasta ada juga memberi sumbangan kepada Jabatan ini untuk menjalankan projek-projek tertentu.

Jabatan ini menerima sumbangan dari UNESCO dan UNDP di dalam bentuk kepakaran.

Sumbangan daripada Kerajaan Kanada melalui kerjasama ASEAN-Canada untuk melatih kakitangan Jabatan Muzium mengikuti kursus di luar negeri juga diterima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Muzium tidak ada menerima sumbangan dari UNICEF seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat bila khazanah daripada luar negara dibawa ke sini, siapakah yang membiayai kosnya?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat satu program ataupun projek oleh Jabatan Muzium sendiri. Jabatan Muzium dan juga Jabatan Arkib Negara adalah di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Ada pihak-pihak tertentu yang kadangkala memberi sumbangan secara kerjasama di antara dua pihak. Kalau dalam bentuk itu memang kita

mendapat sumbangan ataupun bantuan serta kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, Kementerian juga mempunyai program sendiri di mana kita mencari jalan membawa khazanah-khazanah negara di luar negeri dengan kerjasama pihak-pihak di luar negeri dan terdapat khazanah-khazanah yang terpaksa kita bayar dengan peruntukan kita sendiri.

POLIS—KECEKAPAN MEMBANTERAS JENAYAH

21. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar kecekapan Polis negara ini dalam membanteras dengan jayanya pelbagai jenayah yang berlaku disebabkan jabatan itu menumpu penuh dalam bidang tugas mereka semata-mata, tidak seperti setengah-setengah agensi Kerajaan yang lain berpolitik dalam masa bertugas.

Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah sedia maklum, tugas utama Pasukan Polis ialah untuk menjaga keamanan dan ketenteraman awam sentiasa di tahap yang paling maksima. Dalam mencapai ke arah itu, pihak Polis sentiasa mengambil langkah untuk meningkatkan prestasi dan kecekapan dalam menjalankan tugasnya dengan menanamkan sikap yang bertanggungjawab dan disiplin yang tinggi selaras dengan mottonya "Bersedia untuk Berkhidmat".

Pada tahun 1990, walaupun kes-kes jenayah telah meningkat sebanyak 4.66% dibandingkan dengan tahun 1989, tetapi keadaannya adalah terkawal dan tidak mencemaskan.

Sebenarnya kes-kes jenayah yang direkodkan tersebut adalah yang ketiga terendah sejak tahun 1975.

KUMPULAN PENDENGAR, PENONTON DAN PEMBACA (K3P)

22. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah kriteria sesebuah kampung untuk dipilih menyertai program Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca (K3P);
- (b) adakah semua negeri di seluruh negara terlibat dengan rancangan Kampungku melalui K3P; dan
- (c) apakah nama kampung yang mewakili setiap negeri dalam program K3P.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan dalam usahanya untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai kehendak-kehendak masyarakat, sedang berikhtiar menjadikan media massa iaitu radio dan televisyen sebahagian daripada anggota masyarakat. Perhubungan yang erat antara RTM dan rakyat akan melahirkan persefahaman dan keikhlasan. Di samping itu, taraf dan daya pemikiran rakyat yang menghasilkan rumusan tertentu terhadap perkembangan rancangan-rancangan RTM boleh digunakan untuk memperbaiki persembahan rancangan-rancangan RTM dari segi teknik dan kandungan. Oleh yang demikian, beberapa kumpulan yang dapat dijadikan alat perhubungan antara RTM dan rakyat telah dipilih di bawah Projek Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca atau K3P.

Penubuhan Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca pada amnya mempunyai empat matlamat dan tujuan:

- (i) untuk merapatkan lagi perhubungan di antara RTM

dengan Pendengar/Penonton, supaya lahir rasa dipunyai bersama atau "a sense of belonging", dengan izin, antara kedua-dua pihak.

- (ii) untuk mengkaji dan menilai perubahan sosial yang berlaku di kalangan pendengar/penonton yang diakibatkan oleh rancangan-rancangan radio dan televisyen.
- (iii) mendapatkan maklumbalas mengenai rancangan-rancangan yang disiarkan oleh RTM.
- (iv) menggalakkan serta menjalin sifat suka membaca sebagai sumber mendapat serta menambah pengetahuan di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada soalan:

- (a) dalam pemilihan tempat atau kawasan untuk Kumpulan 3P tersebut beberapa kriteria digunakan:
 - (i) Kerajaan Negeri harus memberikan persetujuan;
 - (ii) masyarakat perlu ber-setuju melibatkan diri;
 - (iii) penduduk haruslah meliputi golongan remaja, dewasa dan juga tua dengan seimbang;
 - (iv) K3P harus ditubuhkan di kawasan yang mewakili bandar dan luar bandar;
 - (v) penduduk perlu terdiri daripada berbagai kaum;
 - (vi) penduduk harus mencari mata pencarian dari berbagai-bagai lapangan pekerjaan.
 - (vii) siaran radio dan televisyen boleh di-

dengar dan ditonton dengan jelas di kawasan berkenaan; dan

- (viii) penduduk bersedia mengadakan bilik bacaan mereka sendiri.
- (b) Jawapannya ya. Tetapi buat permulaan, semua Stesyen RTM telah menubuhkan satu kumpulan K3P masing-masing. Pada peringkat kedua bilangan kumpulan akan ditubuhkan di peringkat negeri-negeri. Seterusnya adalah diharapkan tiap-tiap daerah dalam negeri akan mempunyai kumpulan K3P sendiri.
- (c) Pada masa ini Kumpulan K3P sedang wujud di tempat-tempat seperti di bawah ini:
- (1) Jalan Pahang, Tapah, Perak;
 - (2) Jitra, Kedah;
 - (3) Kota Samarahan, Kuching, Sarawak;
 - (4) Pengkalan Lutong, Miri, Sarawak;
 - (5) Sarikei, Sarawak;
 - (6) Mukim Arau, Perlis;
 - (7) Kampung Seronok, Pulau Pinang;
 - (8) Batang Kali, Selangor;
 - (9) Mukim Pekan, Pahang;
 - (10) Kawasan Mentakab, Pahang;
 - (11) Paya Rumput, Melaka;
 - (12) Kampung Tengah, Kluang, Johor;
 - (13) Kawasan Kempas, Johor Bahru;
 - (14) Cabang Tiga, Kuala Terengganu;

- (15) Pengkalan Kubur,
Tumpat, Kelantan;
- (16) Tanjung Batu, Tawau,
Sabah;
- (17) Kampung Jimah Baru,
Port Dickson, Negeri
Sembilan;
- (18) Kampung Geylang,
Jejebu, Negeri Sembilan;
- (19) Kampung Durian Daun,
Rembau, Negeri
Sembilan;
- (20) Kampung Temeris,
Kuala Pilah, Negeri
Sembilan; dan
- (21) Kampung Mendom,
Lenggeng, Negeri
Sembilan.

Kementerian sedang berusaha untuk menambahkan kumpulan-kumpulan 3P dan ini tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai.

Tuan Foo Boon Liang: Dengan izin, soalan No. 23.

PERUNTUKAN KEPADA SRJK (C) DAN SRJK (T)

23. **Tuan Foo Boon Liang** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan yang telah diberi kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) dari 1980-1990; dan
- (b) jumlah peruntukan yang akan diberi di bawah Rancangan Malaysia Keenam kepada sekolah-sekolah berkenaan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Peruntukan pembangunan untuk seluruh sekolah rendah bagi tempoh 10 tahun (1980-1990) adalah sebanyak \$842,207,806 dalam Rancangan Malaysia Keempat dan \$811,481,766 dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima, jumlah peruntukan yang diberikan kepada SRJK (C) dan SRJK (T) adalah sebanyak \$34,558,711. Peruntukan tersebut telah diagih-agihkan mengikut keperluan.

- (b) Jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan untuk sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia Keenam ialah sebanyak \$860 juta. Peruntukan tersebut akan diagih-agihkan kepada negeri-negeri secara berperingkat-peringkat dalam tempoh 5 tahun, dan agihan tersebut tidak dibuat mengikut aliran sekolah.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perbezaan pemberian peruntukan kepada sekolah bantuan modal dan sekolah bantuan penuh?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soal perbezaan tidak ada. Kita mengagihkan agihan peruntukan-peruntukan mengikut keperluan dan permohonan dari pihak sekolah dan negeri masing-masing.

Tuan C. Krishnan: Sekiranya tidak ada perbezaan, adakah cadangan untuk membatalkan istilah "bantuan modal dan "bantuan penuh?"

Dr Leo Michael Toyad: Belum ada cadangan, Tuan Yang di-Pertua.

**TERNAKAN YANG
DIKORBANKAN DALAM
IBADAT KORBAN
AIDIL-ADHA—BILANGAN**

24. Puan Kalthom binti Haji Othman minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan binatang ternakan yang dikorbankan dalam ibadat korban Aidil-Adha yang baru lalu mengikut negeri-negeri dan jenis binatang iaitu lembu, kambing, biri-biri dan kerbau; dan
- (b) adakah beliau sedar sebahagian dari korban itu adalah lembu kurus dan orang ramai tidak mempunyai pilihan. Apakah persiapan Kerajaan bagi memastikan rakyat mendapat bekalan yang cukup dan murah dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Menteri Pertanian.

- (a) berikut ialah bilangan ternakan yang telah dikorbankan dalam Ibadat Korban Aidil-Adha tempoh hari:

<i>Negeri</i>	<i>Lembu</i>	<i>Kambing</i>	<i>Biri-biri</i>	<i>Kerbau</i>
Perak	501	27	94	88
Johor	701	44	316	02
Kedah	1,060	15	40	145
Selangor	713	70	545	15
P Pinang	295	—	178	05
Perlis	176	—	30	—
Terengganu	637	02	02	04
Pahang	409	09	299	103
Kelantan	300	70	40	60
Melaka	200	20	190	50
Negeri Sembilan	370	30	410	50
Jumlah	5,362	287	2,144	522

- (b) Sebahagian besar ternakan lembu yang dijadikan ternakan korban adalah sihat dan berisi (gemuk). Hanya sebahagian kecil sahaja mungkin kurus. Ini berlaku disebabkan oleh beberapa perkara. Umpamanya, ternakan tersebut di dalam keadaan "stress", keletihan. Ternakan ini telah berpindah milik dari penternak/pembelanya di kawasan pendalaman kampung kepada pemborong sebelum dijual kepada masjid atau orang perseorangan 3-4 minggu sebelum tarikh korban. Ternakan yang dahulunya bebas meragut dan mendapat cukup makanan dan minuman telah diangkut berpuluh-puluh batu jauhnya dan ditempatkan dalam kandang atau padang yang terhad keluasannya. Makan dan minumannya terhad dan ditambah pula dengan persekitaran yang baru dan berbeza sebelum ianya dihantar kepada masjid dan orang perseorangan untuk upacara korban. Dalam keadaan ini, ternakan tersebut akan susut badannya.

Walau bagaimanapun, orang ramai mempunyai pilihan untuk mendapatkan ternakan yang lebih baik iaitu yang diimport khas untuk tujuan tersebut oleh pihak swasta pada harganya lebih tinggi berbanding dengan harga ternakan tempatan.

Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah dan sentiasa membuat persiapan-persiapan untuk membekalkan ternakan bagi tujuan korban. Ini diperolehi dari beberapa sumber seperti dari ladang ternakan Jabatan Perkhidmatan Haiwan sendiri. Pihak Jabatan juga

bekerjasama dengan pihak swasta untuk mendapatkan bekalan dari dalam dan luar negeri.

Selain daripada itu, Jabatan juga menggalakkan supaya ternakan berbiri dijadikan ternakan korban yang popular pada masa akan datang di mana bekalannya adalah mencukupi.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kebanyakan kes, kerbau, lembu dan kambing disembelih ini, adakah tidak terlibat kerbau, lembu diseludup daripada sempadan dan adakah tidak kerbau dicuri?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini tidak dapat dikesan kerana ternakan-ternakan yang disembelih ini, lesen terpaksa dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan ataupun mukim untuk disemak. Untuk memastikan sama ada ternakan itu dicuri, wallahu a'lam, saya pun tidak tahu.

PAGAR KESELAMATAN DISEMPADAN KELANTAN/ THAILAND

25. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Kerajaan hendak membina pagar keselamatan sepanjang sempadan di antara Kelantan dengan Thailand bagi mengelakkan aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan seperti penyeludupan dan lain-lain aktiviti.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun meluluskan peruntukan sebanyak \$14.44 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi pembinaan pagar/tembok keselamatan di kawasan-kawasan tertentu di sempadan Malaysia di

antara negeri Kelantan Darul Naim dengan Thailand. Pada masa kini, projek itu masih di peringkat penyediaan kerja-kerja reka bentuk.

BURUH ASING BAGI INDUSTRI PERLADANGAN— PENGAMBILAN

25. Tuan V. K. Selappan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sekiranya Kerajaan tidak merangkakan satu sikap positif yang konkrit terhadap pengambilan buruh asing di negara ini, industri ladang akan runtuh di Malaysia tidak berapa lama lagi:

- (a) apakah pendapat Kementerian dengan pernyataan ini; dan
- (b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak benar Kerajaan tidak mempunyai satu dasar yang konkrit mengenai pengambilan buruh asing di negara ini bagi industri perladangan.
- (b) Pada masa kini, Kerajaan membenarkan pengambilan buruh asing daripada negara-negara tertentu untuk bekerja bukan sahaja di sektor perladangan tetapi juga di sektor pembinaan. Malahan, sebagai satu langkah khas untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor perladangan, Kerajaan telah melaksanakan satu proses pendaftaran dan pengesahan bagi pekerja-pekerja asing tanpa izin supaya pas lawatan (kerja sementara) dapat dikeluarkan kepada mereka. Proses pengesahan ini yang di-kendalikan oleh Jawatankuasa

Pengambilan Buruh Asing di Jabatan Imigresen telah dimulakan pada bulan Januari, 1989 dan tamat pada bulan Mei, 1991. Sehingga bulan April 1991, bilangan pekerja asing di Semenanjung Malaysia yang telah diberi pas lawatan adalah seramai 18,086 orang.

Dengan tamatnya proses pendaftaran dan pengesahan tersebut, sebarang keperluan tambahan buruh asing oleh majikan di sektor perladangan akan dipertimbangkan mengikut dasar, prosedur dan kriteria yang sedia ada.

Selain dari itu pengusaha-pengusaha sektor perladangan juga adalah digalakkan supaya berusaha untuk memodenkan dan meningkatkan penggunaan jentera dalam proses pengeluaran mereka supaya tidak terlalu bergantung kepada penggunaan tenaga buruh.

Di samping itu, bagi jangka masa panjang, usaha-usaha telah dan akan terus diambil bagi mewujudkan teknologi dan peralatan yang boleh menjimatkan tenaga buruh. Di sektor perladangan kelapa sawit, PORIM akan terus menjalankan ujian-ujian ke atas mesin penuai "proto-type, pemotong buah kelapa sawit dan pengangkut dalam ladang. Di dalam sektor getah asli, tenaga buruh boleh dijamin dengan memberikan tumpuan kepada aspek seperti kekerapan penoreh yang rendah dan berkala dan juga pengagihan buruh untuk penoreh dan pengumpulan latex di samping mengautomasikan tugas penoreh dengan menggunakan "auto-tap". Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji masalah kekurangan buruh di semua sektor dengan teliti dan satu laporan khas akan dibentangkan kepada Kabinet tidak lama lagi untuk tindakan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang akhir sekali, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah.

KAKITANGAN KERAJAAN BERUMUR 40 TAHUN— PERSARAAN

27. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan kakitangan Kerajaan yang telah bersara ketika berumur 40 tahun yang telah diluluskan; dan
- (b) nyatakan alasan-alasan yang diluluskan untuk persaraan itu.

2-8-91.

33. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai kakitangan Kerajaan yang telah memohon berhenti lebih awal;
- (b) sebab-sebab mereka memohon berhenti lebih awal; dan
- (c) apakah syarat seseorang kakitangan Kerajaan yang hendak memohon berhenti lebih awal.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini adalah sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah yang dijadualkan dijawab pada 2hb Ogos 1991, maka saya mohon izin untuk menjawab kedua-dua soalan ini pada hari ini.

Mengikut Peruntukan Perintah Am Bab A yang berkuatkuasa sekarang, seseorang pegawai Kerajaan tanpa mengira perkhidmatan dan jumlah tahun bertugas boleh berhenti kerja pada bila-bila masa dengan syarat ia memberikan notis yang secukupnya. Jabatan Perkhidmatan Awam tidak

dapat memberikan jumlah kakitangan yang berhenti lebih awal mengikut peruntukan Perintah Am Bab A itu.

Berhubung dengan mereka yang memohon bersara ketika berumur 40 tahun, jumlah mereka sehingga 15 Julai 1991 ialah seramai 84 orang. Dari jumlah tersebut, 29 orang telah pun diluluskan untuk bersara. Sebab-sebab mereka memohon untuk bersara lebih awal adalah sama ada untuk menyertai sektor swasta, menguruskan perniagaan dan sebab-sebab peribadi. Kerajaan tidak menetapkan syarat-syarat tertentu bagi golongan yang hendak bersara awal ini. Walau bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan golongan tersebut diperlukan, Kerajaan mungkin tidak dapat memberikan kelulusan untuk tujuan persaraan lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk menjawab Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah habis. Kita terus pergi kepada urusan yang lain.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 28 hingga 50 adalah diberi di bawah ini).

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SEBAGAI PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA

28. Tuan Isli bin Haji Siput minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menyediakan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Perdagangan dan Kewangan Antarabangsa.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak MS412.65 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi beberapa projek tertentu yang dikenalpasti bagi menjayakan

rancangan Kerajaan untuk membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) serta salah satu destinasi pelancongan negara.

Kerajaan sedang mengambil strategi ke arah menyediakan infrastruktur di sektor perkhidmatan dan pengangkutan bagi memastikan Wilayah Persekutuan Labuan mencapai objektif sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) dalam tempoh sesingkat mungkin.

Antara langkah-langkah yang akan diambil ialah menyediakan Taman Kewangan Antarabangsa, padang golf, sekolah antarabangsa dan menyediakan kemudahan pelancongan. Taman Kewangan Antarabangsa dicadang dilaksanakan di atas tanah Kerajaan seluas 10.63 ekar bersebelahan dengan Ibu Pejabat Polis Labuan yang sedia ada dan akan menempatkan ruang pejabat dan perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti kewangan IOFC.

Kerajaan juga akan menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi menyokong IOFC berjalan lancar seperti menyediakan sebuah bangunan baru Lapangan Terbang Labuan, meningkatkan sistem perhubungan dan telekomunikasi, membina sebuah hospital baru dan menyediakan Kompleks Pejabat Kerajaan yang akan menempatkan semua Jabatan Kerajaan yang mempunyai urusan dengan IOFC dan perdagangan biasa.

Kerajaan juga telah dan akan terus mengadakan seminar-seminar promosi/galakan pemasaran di dalam dan di luar negeri untuk memperkenalkan Wilayah Persekutuan Labuan kepada pelabur-pelabur asing.

Kerajaan yakin Langkah-langkah ini akan menggalakkan Syarikat-syarikat asing membuat pelaburan di Labuan selaras dengan kedudukannya sebagai IOFC.

**RAKYAT
TERMISKIN—BANTUAN**

29. Dato' Azumu bin Tak minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada rancangan memberi bantuan untuk rakyat termiskin masih diteruskan, setelah hampir semuanya sudah mendapat bantuan untuk mendirikan rumah.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Rancangan untuk membantu rakyat termiskin dalam bentuk program-program seperti yang ada sekarang akan diteruskan mengikut keperluan. Bantuan membina rumah hanya merupakan salah satu daripada program yang telah dikenalpasti untuk membolehkan keluarga termiskin mendapat tempat tinggal yang lebih selamat dan selesa.

**UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA—PEMBINAAN
KAMPUS DI KUANTAN**

30. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Menteri Pendidikan menyatakan berhubung dengan pembinaan Kampus Induk Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang telah dicadangkan di Kuantan, Pahang, bilakah pembinaannya akan dimulakan.

35. Tuan Foo Boon Liang minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kampus Fakulti Perubatan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Kuantan betul-betul dapat dilaksanakan memandangkan kajiannya yang merangkumi segala aspek termasuk keperluan kakitangan dan peralatan pembelajaran sudah pun dalam peringkat terakhir.

Dr Leo Michael Toyad: Oleh kerana terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat pada tarikh yang sama iaitu

pada 29-7-91 mengemukakan isu Universiti Islam Antarabangsa (UIA), saya mohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak. Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ialah:

- (1) Y.B. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail; dan
- (2) Y.B. Tuan Foo Boon Liang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Kompleks Perubatan UIA di Kuantan pada masa ini masih lagi di peringkat kajian khususnya dari segi skop projek yang akan dilaksanakan. Projek ini akan dilaksanakan setelah Kementerian Pendidikan dapat memastikan skop projek, jenis-jenis kursus atau fakulti yang akan dibina. Bagi maksud kajian ini sebuah firma perunding akan dilantik oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Universiti Islam Antarabangsa telah juga melantik firma jurukur tanah bagi membuat kerja ukur tanah. Dengan langkah-langkah ini bererti Kementerian Pendidikan telahpun memulakan perancangan untuk membangun tanah UIA di Pahang.

**FELDA/FELCRA—
PERKHIDMATAN HILIRAN**

31. Puan Hajah Habidah binti Jusoh minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan benarkah Kerajaan akan memberi kuasa kepada mana-mana syarikat atau orang perseorangan/peserta sendiri untuk mengendalikan kebun-kebun mereka di FELDA/FELCRA dengan cara syarikat. Apakah cara yang lebih menguntungkan peserta-peserta FELDA/FELCRA.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Apa yang dirancangankan bagi FELDA pada masa ini ialah supaya Perbadanan-perbadanan FELDA yang telah

ditubuhkan di bawah Ordinan Kemajuan Tanah bagi memberikan perkhidmatan hiran kepada aktiviti utama FELDA dirasakan boleh diuruskan dan dijadikan sebagai syarikat-syarikat dan beroperasi sepenuhnya di bawah Akta Syarikat. Pada masa yang sama, FELDA akan terus terlibat dalam pengurusan rancangan-rancangan tanahnya itu.

Bagi FELCRA, khususnya untuk projek-projek yang mana peserta-peserta telah menjelaskan sepenuhnya hutang pembangunan, telah dirancang supaya projek-projek tersebut diurus dan dikendalikan sendiri oleh peserta-peserta projek.

Untuk menjamin produktiviti dan mutu projek dapat dikekalkan dalam jangka panjang, pengambilan-alih tugas ini diserahkan kepada institusi peserta iaitu koperasi di peringkat projek dan dibantu oleh tenaga pengurus profesional. Perkhidmatan pengurusan koperasi peserta di peringkat nasional.

Kaedah di atas merupakan opsyen terbaik dan menguntungkan berbanding dengan opsyen diserahkan terus kepada setiap individu peserta untuk menguruskan lot kebun masing-masing. Kaedah pengurusan ladang ini bertujuan untuk mengelakkan kebun-kebun menjadi terbiar semula dan menentukan peserta-peserta mendapat pulangan yang maksima.

AKTA PROFESION GUAMAN— PINDAAN

32. Tuan Haji Abdul Rashid bin Ismail minta Perdana Menteri adakah pihak Kementerian bercadang meminda Akta Profesion Guaman bagi tujuan mewajibkan peguam menawarkan perkhidmatan undang-undang secara percuma kepada golongan miskin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Profesion Undang-undang bagi mengadakan peruntukan mewajibkan peguam menawarkan perkhidmatan undang-undang secara percuma kepada golongan miskin.

(Soalan No. 33. Sila lihat jawapan soalan No. 16 pada 24-7-91)

“POSTAL HIJACK” DI KOTA KINABALU—TINDAKAN

34. Tuan Frankie Chong Yu Chee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan yang telah diambil kepada Pegawai-pegawai Pos yang terlibat dengan “Postal Hijack” di Kota Kinabalu baru-baru ini dan berapakah jumlah yang belum dapat dijelaskan ataupun sudah hilang. Seterusnya apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyakinkan orang ramai terhadap perkhidmatan Pos di negara kita.

Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Jabatan Perkhidmatan Pos telah menjalankan siasatan sendiri ke atas kejadian ini dan didapati Pegawai Pos tidak terlibat dalam peristiwa ini. Walau bagaimanapun, seorang Pegawai Polis di Pejabat Pos Kota Kinabalu telah ditahan oleh pihak polis pada hari Sabtu 27-4-1991 untuk siasatan lanjut berhubung dengan kes ini tetapi beliau telah dibebaskan tanpa syarat oleh pihak polis pada 3-5-1991.

Memandangkan kes ini masih dalam siasatan polis, tindakan tatatertib, jika perlu hanya akan diambil selepas penyiasatan diselesaikan kelak oleh pihak polis.

Jumlah mel yang terlibat dalam kejadian ini berdasarkan kepada dokumen adalah seperti berikut:

Surat berdaftar	836
Bungkusan	22
Benda Poslaju	11

Walau bagaimanapun, jumlah benda pos yang terlibat hanya akan dapat dipastikan apabila semakan ke atas Penyata Hantaran dan pertanyaan selesai dibuat. Di dalam perkara ini jumlah surat biasa tidak dapat ditentukan oleh kerana tidak ada rekod bagi surat biasa.

Selain dari langkah-langkah yang sedia ada itu, Jabatan Pos juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kordinasi dengan pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam perhubungan antara MAS dan Jabatan Pos. Jawatankuasa Bersama ini akan bertemu sebulan sekali dan tumpuan telah diberikan untuk memastikan keselamatan mel khususnya semasa pengendalian oleh pihak MAS.

Pada masa ini langkah-langkah tertentu sedang diambil untuk mengetatkan peraturan-peraturan pengendalian mel terutamanya semasa urusan serah menyerah mel antara Jabatan Pos dan pihak Penerbangan dan memastikan supaya prosedur pengendalian mel ini sentiasa diamalkan dan dipatuhi.

Dengan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil seperti yang diterangkan tadi, adalah diharap dapat memastikan keselamatan mel dan surat-surat orang ramai di masa akan datang.

(Soalan No. 35. Sila lihat jawapan soalan No. 30 pada 29-8-91)

(Soalan No. 36. Sila lihat jawapan soalan No. 36 pada 24-7-91)

KOBENA—KEDUDUKAN

37. Dr Nordin bin Selat minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kedudukan KOBENA sebenar pada masa ini.

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa): Untuk makluman Yang Berhormat, KOBENA buat masa ini sedang mengalami masalah kewangan. KOBENA sedang mengkaji semula operasinya supaya dapat bergerak secara "on going concern". Operasi KOBENA sejak 1988 telah dikurangkan dan dalam tahun 1989 sebahagian besar operasinya telah diberhentikan.

Pengurusan baru yang mengambil alih KOBENA pada bulan November, 1990 telah menyediakan Pelan Penyusunan dan Pemulihan KOBENA. Pengurusan KOBENA juga sedang meneliti kira-kira perbelanjaan untuk mengenalpasti sama ada berlaku penyelewengan. Sekiranya didapati memang ada berlaku penyelewengan, laporan akan dibuat kepada Polis dan tindakan undang-undang akan segera diambil mengikut proses keadilan.

KADAR KESUBURAN JUMLAH (KKJ) MENGIKUT JANGKAAN RRJP2

38. Puan Kalthom binti Haji Othman minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan jangkaan RRJP2 yang menyebut betapa tahap kesuburan rakyat menurun:

(a) sila sebutkan jangkaan peratusnya mengikut desa, kota dan lengkongan usia serta jantina;

(b) adakah pencapaian itu pada pandangan Kerajaan mencerminkan keadaan yang positif atau negatif. Mengapa pendapat itu demikian; dan

- (c) apakah kesan dari sudut kesihatan individu dan produktiviti ekonominya kepada negara bila berlaku kemerosotan kesuburan itu.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kadar Kesuburan Jumlah (KKJ) adalah satu petunjuk tahap kesuburan di dalam negara. Mengikut jangkaan RRJP2, KKJ akan menurun daripada 3.8 kepada 3.4 dalam tempoh 1990-2000. Data mengenai KKJ mengikut kota dan desa tidak dapat diperolehi oleh kerana perangkaan seperti ini tidak dikumpul setakat ini. Data mengenai KKJ mengikut jantina pula tidak ada kaitan oleh kerana KKJ hanya mengambil kira wanita dalam kumpulan umur 15-49, iaitu umur kesuburan. Kesuburan mengikut lengkungan usia tidak juga berkaitan oleh kerana KKJ adalah dikira sebagai purata anak yang dilahirkan bagi seorang wanita dalam kumpulan umur 15 hingga 49 tahun.

- (b) Penurunan dalam kadar kesuburan mencerminkan satu keadaan yang positif. Secara umum pengalaman kebanyakan negara dalam proses pembangunan menunjukkan bahawa dalam sesuatu masyarakat, KKJ menurun dengan peningkatan pendapatan, kemajuan pendidikan dan kesihatan, tahap urbanisasi dan perkembangan ekonomi. Di samping itu ia juga mencerminkan keadaan di mana lebih banyak wanita memasuki pasaran buruh terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Penurunan KKJ yang berlaku di Malaysia mencerminkan bahawa Kerajaan telah berjaya dalam pelaksanaan program pembangunan termasuk program kesihatan, pendidikan dan pembangunan keluarga. Dengan penurunan tersebut, taraf hidup rakyat Malaysia akan meningkat

oleh kerana pendapatan per kapita bertambah. Ini akan meningkatkan tabungan negara yang mana boleh disalurkan untuk pembangunan ekonomi seterusnya.

- (c) Kesuburan yang menurun menunjukkan saiz keluarga yang semakin kecil. Saiz keluarga yang kecil membolehkan kaum ibu memberi perhatian yang lebih kepada kesihatan diri, anak dan keluarga. Peningkatan taraf kesihatan keluarga keseluruhan ini bermakna kualiti hidup masyarakat juga bertambah baik dan menjadi semakin produktif. Seperti yang kita semua sedia maklum, saiz keluarga yang kecil berkait rapat dengan jarak kelahiran. Jarak kelahiran yang lebih panjang memberi peluang kepada kaum ibu menceburi kegiatan ekonomi melalui penglibatan dalam pekerjaan. Dengan menurunnya kesuburan serta jarak kelahiran yang panjang, kaum wanita dapat pula meningkatkan taraf pendidikan serta kemahiran dan memudahkan mereka memasuki pasaran pekerjaan. Dari segi tabungan pula, saiz keluarga yang kecil membolehkan kadar tabungan isi-rumah ditingkatkan. Tabungan ini boleh digunakan untuk pelaburan dan pembangunan negara.

“UDHAYAM”—PENGELUARAN MAJALAH

39. Tuan V. K. Sellappan minta Menteri Penerangan sama ada beliau sedar bahawa para pembaca majalah “UDHAYAM” rasa kecewa Kementerian Penerangan tidak lagi mengeluarkan majalah bulanan Tamil “UDHAYAM”. Adakah Kementerian ingin mengeluarkan majalah ini semula. Sekiranya ya, bila.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Pengeluaran majalah-majalah "SINAR ZAMAN", "TOU SHIH" dan "UDHAYAM" oleh Jabatan Penerangan ditangguh buat sementara sehingga urusan-urusan pengedaran dan penjualannya diselesaikan.

ORANG-ORANG TUA— BANTUAN

40. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa ramaikah orang-orang tua yang telah diberi bantuan dan yang akan diberi bantuan; dan
- (b) sudahkah diwujudkan Jawatankuasa Perpaduan di seluruh negeri, daerah, dan kampung-kampung. Kalau belum, bilakah hendak diwujudkan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):

- (a) Bilangan orang-orang tua yang telah diberi bantuan pada akhir tahun 1990 ialah 10,262 orang. Pada tahun 1991 dijangka 10,500 orang tua akan diberi bantuan.
- (b) Sehingga kini semua negeri dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Labuan telahpun menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan. Jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan di 67 buah daerah. Di lain-lain daerah, Jawatankuasa berkenaan akan diwujudkan secara berperingkat-peringkat.

Jabatan tidak bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan di

peringkat kampung-kampung kerana telah ada Jawatankuasa-jawatankuasa seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru (JKKKB) dan Rukun Tetangga di mana berkenaan.

DASAR LUAR NEGERI— MANFAAT KEPADA RAKYAT

41. Tuan Shuib bin Endut minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Luar Negeri untuk menjelaskan perkembangan dasar-dasar luar yang terkini kepada rakyat negara ini supaya mereka memperoleh manfaat daripada langkah yang telah diterokai oleh Kerajaan (misalnya hubungan perdagangan);
- (b) mengapakah peristiwa yang berlaku di sempadan negeri Kelantan dengan Thailand baru-baru ini terjadi (penahanan Pegawai Hutan Malaysia oleh pihak berkuasa Thailand); dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Luar Negeri untuk mengelakkan berulangnya peristiwa yang berlaku di Padang Besar dan Kelantan (pihak berkuasa Thailand merampas barang-barang peniaga Malaysia).

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Kementerian Luar Negeri berharap bahawa rakyat Malaysia mengikuti perkembangan negara kita khususnya di arena antarabangsa yang melibatkan

hubungan negara kita dengan negara-negara asing dan dasar luar negara-negara asing dan dasar luar negara seperti yang dilaporkan dengan luasnya oleh media massa kita.

Selain daripada itu, Kementerian Luar Negeri sering juga menerima lawatan daripada sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi dan juga persatuan-persatuan dan Kementerian telah mengambil kesempatan ini untuk memberi taklimat tentang fungsi, organisasi, matlamat dan juga Dasar Luar Negeri Malaysia kepada mereka.

(b) & (c) Kementerian saya telah mengadakan usaha-usaha diplomatik untuk menyelesaikan isu berkenaan di antaranya ialah:

- (i) memanggil Duta Besar Thailand ke Wisma Putra untuk mendapatkan penjelasan beliau mengenai kejadian tersebut;
- (ii) pertemuan di antara Duta Besar Malaysia dengan Pegawai-pegawai Tinggi, Kementerian Luar Negeri Thailand dan juga dengan pihak Perisikan Tentera Thailand;
- (iii) pertemuan di antara Ketua Setiausaha, Kementerian Luar Negeri dengan Menteri Luar Negeri, Thailand.

Sebagaimana kita semua maklum, pendakwaan terhadap pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah digugurkan oleh Mahkamah Narathiwat, Thailand dan sekali gus menyelesaikan isu tersebut. Kita percaya bahawa penyelesaian tersebut adalah berkait rapat dengan usaha-usaha diplomatik tersebut.

Memandangkan kedua-dua negara berkongsi sempadan bersama, adalah agak sukar untuk kita mengelakkan daripada peristiwa-peristiwa sedemikian terjadi. Namun begitu hubungan rapat di antara kedua-dua negara akan membolehkan sebarang isu sempadan diselesaikan dengan sebaik-baiknya.

RANCANGAN PERTUKARAN BELIA KE NEGARA-NEGARA ISLAM

42. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan Rancangan Pertukaran Belia bagi Negara-negara Islam.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Setakat ini Kerajaan telah mengadakan Rancangan Pertukaran Belia ke Negara-negara Islam seperti negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Pakistan.

Tetapi buat masa ini, Kerajaan belum bercadang lagi untuk mengadakan Rancangan Pertukaran Belia ke negara-negara Islam di Timur Tengah. Walau bagaimanapun Kerajaan seringkali menghantar pemimpin belia dari Malaysia ke negara Mesir, Arab Saudi dan Bangladesh untuk menghadiri seminar.

JALAN RAYA POS BERSIA—POS BUNTU-SLIM RIVER—PEMBINAAN

43. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah projek pembinaan jalan raya dari Batu Malim, Pos Buntu ke Slim River, Perak akan dimulakan; dan

- (b) adakah pihak Kerajaan bercadang hendak membina satu jalan raya dari Kuala Lipis, Pahang ke Cameron Highlands, yang boleh menghubungkan kedua-dua daerah tersebut.

Datuk Leo Moggie anak Irok:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekabentuk jalan sejauh 17km dari Pos Bersia di sempadan Perak dan Pahang menuju ke Pos Buntu dan Slim River, Perak telah pun siap. Walau bagaimanapun perlaksanaannya belum dapat ditentukan memandangkan sebab keutamaan jalan ini tidak lagi mendesak buat masa ini berbanding dengan jalan-jalan lain di negeri Perak.
- (b) Kerajaan memang bercadang untuk membina jalan raya baru menghubungkan Cameron Highlands ke Kuala Lipis di Pahang, sebagai alternatif kepada jalan yang sedia ada. Kajian kemungkinan sedang dijalankan.

**ORANG ASLI—PROGRAM
PERTANIAN SARA DIRI**

44. Tuan Itam Wali bin Nawan minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapakah banyak program pertanian berbentuk Sara Diri dan Komersial telah dibawa ke dalam masyarakat Orang Asli;
- (b) langkah-langkah mengakulturasikan Orang Asli dengan pertanian moden; dan
- (c) prestasi projek itu sehingga kini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Program pertanian berbentuk sara diri yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

adalah meliputi projek kontan, perusahaan kecil/usahawan dan ternakan serta perikanan. Program pertanian yang berbentuk komersial adalah meliputi tanaman getah, kelapa sawit, dusun dan tanaman kontan. Untuk projek getah dan kelapa sawit, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah menyerahkan kepada FELCRA sebagai agensi pelaksana. Setakat ini kawasan yang telah, sedang dan akan dimajukan berjumlah 10,024 hektar.

- (b) Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk “mengakulturasikan” Orang Asli dengan pertanian moden ialah:

- (i) mengatur kursus-kursus yang berkaitan dengan pertanian untuk Orang Asli;
- (ii) mempertingkatkan usaha-usaha “extension works” (kerja-kerja pengembangan) oleh pegawai-pegawai luar dan Juruteknik Pertanian Jabatan:

- (a) memberi motivasi kepada orang kampung terhadap aktiviti pertanian dan ternakan;
- (b) memperkenalkan kaedah-kaedah pertanian moden termasuk peralatan;
- (c) memberi latihan secara informal, pengurusan dan penjagaan secara intensif/semi intensif;
- (d) pasaran pertanian dan ternakan.

- (c) Seluas 10,024 hektar tanah telah dibuka dan dimajukan dan dari jumlah tersebut seluas 2,485 hektar telah mengeluarkan hasil.

Dalam RM6 seluas 7,194 hektar tanah kawasan baru akan dibuka dan ini berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan.

PELABURAN DI LUAR NEGERI—KAEDAH

45. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pelaburan di luar negara masih wujud. Apakah kaedahnya. Adakah kaedah tersebut terjamin dari segi keuntungan dan keselamatan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan hanya membuat pelaburan di luar negeri dalam syarikat-syarikat yang melaksanakan projek-projek perindustrian ASEAN. Setakat ini, projek-projek perindustrian ASEAN berkenaan ialah projek ASEAN Potash Mining di negara Thailand dan projek Copper Fabrication di negara Filipina. Pelaburan tersebut dibuat atas nama Menteri Kewangan (Diperbadankan).

Pada masa ini, projek-projek berkenaan masih di peringkat pra-operasi dan kaedah pulangan atas pelaburan tersebut tidak dapat ditentukan lagi.

FUNGSI BEKALAN AIR—PENGAMBILAN ALIH KERAJAAN PERSEKUTUAN

46. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Kerja Raya menyatakan bahawa dalam tindakan Kerajaan Pusat mengambilalih fungsi-fungsi bekalan air:

- (a) apakah kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan Pusat dalam cadangan mengambilalih fungsi-fungsi bekalan air;

(b) adakah Kerajaan Pusat ber-cadang memberi pampasan kewangan kepada Kerajaan Negeri yang telah mengalami kerugian dalam kutipan hasil air selepas mengambilalih fungsi-fungsi bekalan air;

(c) bagaimana pengambilalihan fungsi-fungsi bekalan air boleh memanfaatkan Kerajaan-kerajaan Negeri dan rakyat jelata; dan

(d) bagaimana nasib masa depan pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat di Jabatan-jabatan Bekalan Air di peringkat negeri, ini termasuk seramai 571 pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat di Lembaga Air Melaka.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Izinkan saya menjawab soalan ini secara keseluruhan oleh kerana perkara-perkara yang dibangkitkan adalah bersangkutan-paut antara satu dengan lain.

Cadangan Kerajaan Persekutuan untuk mengambilalih fungsi-fungsi bekalan air daripada Kerajaan-kerajaan Negeri adalah hanya setakat pengurusan sumber-sumber air sahaja, dan aktiviti-aktiviti "down stream" seperti penyelenggaraan dan pembinaan loji-loji rawatan air, sistem retikulasi dan kutipan hasil akan dikekalkan dalam kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian soal pampasan untuk kerugian kutipan hasil tidak berbangkit dengan Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri tidak akan terjejas.

Di antara kebaikan-kebaikan pengambilan alih tugas bekalan air oleh Kerajaan Persekutuan boleh dilihat daripada beberapa segi seperti berikut:

- (i) sumber-sumber air yang akan berkurangan akan dapat

digunakan dengan lebih berkesan dan pencemaran air dapat dikawal.

- (ii) sekiranya kawalan bekalan air di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan perancangan pembangunan boleh diselarasakan. Kawasan-kawasan yang menghadapi kekurangan air (water stress areas) oleh kerana tiada lagi sumber-sumber air boleh mendapatkan air melalui "inter-basin transfer".
- (iii) Pembangunan sumber-sumber air yang menelan belanja yang banyak dapat dibuat secara optima tanpa batasan sempadan bagi keseluruhan Negara. Ianya akan dapat menggunakan kewangan Kerajaan dengan lebih efisien.
- (iv) Kerajaan-Kerajaan Negeri tidak lagi perlu menanggung perbelanjaan yang besar untuk membangunkan sumber-sumber air baru seperti pembinaan empangan-empangan.
- (v) Pembahagian dan pengagihan air boleh dijalankan dengan lebih sempurna oleh kerana ianya tidak disekatkan oleh sempadan negeri.
- (vi) Dengan bekalan air di bawah satu badan di bawah Kerajaan Persekutuan, pentadbiran sistem bekalan air akan menjadi seragam.
- (vii) Pihak Berkuasa Air Negeri dapat menumpukan perhatian serta usahanya untuk meningkatkan kecekapan di dalam sistem pengagihan air seperti mengurangkan kehilangan air (non-revenue water) yang dianggarkan sebanyak 43% untuk seluruh negara.

Pada masa ini cadangan mengambil alih fungsi-fungsi bekalan air oleh Kerajaan Persekutuan masih dalam peringkat awal. Cadangan ini akan diperbincangkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri nanti dan oleh kerana itu belum lagi dapat dipastikan apa-apa kesulitan yang akan dihadapi kelak.

BURUH—KEKURANGAN DI SEKTOR PERTANIAN

47. Tuan David Yeoh Eng Hock minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) memandangkan krisis kekurangan pekerja yang semakin meningkat di sektor pertanian akibat semakin ramai buruh diserap ke dalam sektor perkilangan yang menawarkan insentif-insentif yang lebih menarik di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi krisis kekurangan buruh di sektor pertanian demi memastikan terwujudnya suatu pasaran buruh yang seimbang untuk kedua-dua sektor pertanian dan perkilangan; dan
- (b) memandangkan hasil pendapatan komoditi pertanian utama kita yang rendah dan keanjalan harganya di pasaran antarabangsa, adakah langkah-langkah konkrit diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan harga barangan ini demi menjadikan negara kita sebagai sebuah pengeluar dan pengeksport utama hasil pertanian.

Dato' M. Mahalingam:

- (a) Adalah mustahil untuk menseimbangkan keadaan pasaran buruh di sektor pertanian dengan sektor perkilangan kerana kedua-dua

sektor tersebut mempunyai daya tarikan yang berbeza. Belia-belia lebih berminat untuk bekerja di kilang-kilang kerana pada umumnya keadaan kerja di kilang adalah lebih baik dengan kadar upah yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan sektor pertanian. Oleh itu Kerajaan tidak dapat menyekat penghijrahan belia-belia dari luar bandar ke bandar untuk bekerja di kilang-kilang kerana negara ini mengamalkan sistem ekonomi yang bebas dan terbuka.

Walau bagaimanapun, bagi membantu mengatasi masalah kekurangan pekerja di sektor pertanian, khususnya di sektor Perladangan, Kerajaan telah melaksanakan proses untuk mendaftar dan mengesahkan pekerja-pekerja asing tanpa izin dari Indonesia yang bekerja di ladang-ladang. Kerajaan juga telah membenarkan pengambilan pekerja-pekerja dari beberapa negara tertentu untuk bekerja di ladang-ladang dengan syarat para majikan ladang dapat membuktikan bahawa mereka telah berusaha untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan tetapi tidak berjaya. Bagi kawasan pertanian di sebelah utara Semenanjung pula Kerajaan juga membenarkan pengambilan pekerja asing secara bermusim bagi menjalankan kerja-kerja seperti menuai padi dan menebang tebu. Pengusaha-pengusaha sektor pertanian dan perladangan juga adalah digalakkan supaya berusaha untuk memodenkan dan meningkatkan penggunaan jentera dalam proses pengeluaran mereka, supaya tidak terlalu bergantung kepada penggunaan tenaga buruh. Di samping itu bagi

jangka masa panjang usaha-usaha telah dan akan terus diambil bagi mewujudkan teknologi dan peralatan yang boleh menjimatkan tenaga buruh. Di sektor perladangan kelapa sawit, PORIM akan terus menjalankan ujian-ujian ke atas mesin penuai prototaip, pemotong buah kelapa sawit dan pengangkutan dalam ladang.

Dalam sektor getah asli, tenaga buruh boleh dijamin dengan memberikan tumpuan kepada aspek seperti kekerapan penorehan yang rendah dan berkala dan juga pengagihan buruh untuk penorehan dan pengumpulan lateks di samping mengautomasikan tugas penorehan dengan menggunakan auto-tap.

- (b) Seperti dilaksanakan oleh Kementerian Perusahaan Utama, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menstabilkan harga barangan utama seperti getah, kelapa sawit, koko, lada dan nenas untuk memastikan industri barangan utama dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah dengan menyertai perjanjian komoditi antarabangsa seperti Perjanjian Getah Asli Antarabangsa, di mana harga operasi stok penimbal, harga getah dapat distabilkan pada paras berpatutan kepada pengeluaran dan adil kepada pengguna.

Usaha-usaha juga dibuat untuk mempelbagaikan pasaran untuk barangan utama supaya tidak bergantung kepada beberapa pasaran besar sahaja. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan kerjasama negara-negara pengeluar barangan utama

yang lain dalam usaha mempertahankan pasaran daripada sebarang ancaman.

Di samping itu di dalam negeri pula Kerajaan akan terus menggalak dan menggiatkan lagi usaha-usaha penyelidikan ke arah pengurangan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti sektor barangan utama.

LEMBAGA AIR NEGARA—PERANAN KERAJAAN NEGERI

48. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah peranan dan kuasa Kerajaan Negeri dalam Lembaga Air Negara serta apa pula kedudukan harta Kerajaan Negeri sekiranya Lembaga itu diswastakan kelak.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Adalah terlalu awal untuk menyatakan peranan dan kuasa Kerajaan Negeri dalam Lembaga Air Negara (LAN) kerana perkara ini akan dirundingkan dengan pihak Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkenaan. Bagaimanapun, cadangan dari Kerajaan Pusat ialah supaya LAN akan merupai agensi perlaksana yang bertanggungjawab dan akan mengambilalih fungsi-fungsi perancangan, pembangunan, kawalan serta pengurusan sumber-sumber air di Semenanjung Malaysia. Penubuhan LAN tidak akan menjejaskan peranan Kerajaan Negeri kerana fungsi yang serakang dijalankan oleh pihak berkuasa bekalan air di negeri masing-masing seperti pembinaan loji-loji untuk rawatan air, penyenggaraan loji-loji dan tangki-tangki air, sistem pengagihan air, kutipan bayaran air akan terus dikekalkan sebagai tanggungjawab Kerajaan-Kerajaan Negeri. Mengenai kedudukan harta Kerajaan Negeri sekiranya LAN diswastakan kelak adalah juga terlalu

awal untuk menentukannya kerana ianya perlu dirundingkan dengan pihak Kerajaan Negeri masing-masing terlebih dahulu.

DEB—PENCAPAIAN BUMIPUTERA

49. Tuan Chong Chi Siong minta Perdana Menteri menyatakan DEB telah tamat pada tahun 1990. Boleh nyatakan pecahan pencapaian bumiputera dalam sektor:

- institusi kewangan;
- industri berat, sederhana dan ringan;
- pendidikan; dan
- pertanian.

Tuan Othman bin Abdul: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, di peringkat negara keseluruhannya sehingga tahun 1990, pencapaian bumiputera adalah masih jauh dari matlamat yang diharapkan di bawah DEB.

Di dalam sektor kewangan, iaitu termasuk bank syarikat-syarikat kewangan pemilikan ekuiti bumiputera adalah kira-kira 14 peratus daripada jumlah \$7,113 juga saham sektor tersebut. Dari segi gunatenaga, kira-kira 50 peratus daripada pekerja dalam sektor tersebut adalah bumiputera di mana kira-kira 41 peratus adalah di peringkat pengurusan kanan dan kira-kira 50 peratus di peringkat perkeranian. Daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan sehingga penghujung tahun 1990, didapati bumiputera mendapat kira-kira 31 peratus daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan.

Di dalam sektor perindustrian, maklumat-maklumat yang sedia ada tidak dapat menunjukkan secara lengkap penyertaan bumiputera mengikut industri berat, sederhana dan

ringan. Secara keseluruhannya daripada sejumlah 21,712 pekerja di peringkat pengurusan, bumiputera merupakan kira-kira 26 peratus. Dari segi modal saham pula, bahagian bumiputera termasuk kepentingan agensi-agensi amanah Kerajaan dan institusi bumiputera yang lain adalah kira-kira 27 peratus. Bahagian pemilikan bumiputera sebagai syarikat swasta persendirian adalah jauh lebih rendah dari angka ini. Dalam pada itu, maklumat mengenai pemilikan dan penyertaan bumiputera dalam sektor pembuatan yang berasaskan kepada penyiasatan di kalangan syarikat pembuatan menunjukkan pada tahun 1988, bumiputera memiliki hanya 6 peratus daripada sejumlah hampir 4,300 syarikat. Sebahagian besar daripada kegiatan bumiputera adalah tertumpu kepada bidang-bidang yang boleh dianggap tradisional, khususnya yang berkaitan dengan industri kecil dan sederhana.

Dalam bidang pendidikan, terdapat kemajuan yang menggalakkan dalam usaha memperbanyakkan tenaga-tenaga terlatih bumiputera dalam bidang profesional, pengurusan dan teknikal. Perangkaan yang ditunjukkan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kelima menunjukkan bahawa enrolmen bumiputera khususnya di peringkat sijil, diploma dan ijazah telah meningkat dan pada akhir 1988 mencapai tahap sebanyak 51 peratus. Namun demikian, pencapaian mereka dalam beberapa bidang atau kursus yang bercorak profesional dan teknikal masih belum memuaskan. Ini dapat digambarkan dari jumlah pendaftaran mereka dalam badan-badan profesional tertentu seperti bidang arkitek, akauntan dan perubatan. Sehingga 1990 dari jumlah arkitek profesional yang berdaftar kira-kira 24 peratus terdiri daripada bumiputera, manakala daripada jumlah akauntan pula hanya kira-kira 11 peratus terdiri dari bumiputera. Dalam hal ini, saya menarik perhatian Yang Berhormat

Jadual 4-5 dokumen Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2).

Dalam sektor pertanian, penyertaan gunatenaga bumiputera secara keseluruhannya adalah tinggi iaitu 76 peratus dan ini menyebabkan pendapatan purata mereka adalah lebih rendah daripada purata di sektor bukan pertanian. Penyertaan modal saham mereka pada tahun 1989 dalam syarikat-syarikat perladangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah kira-kira 27 peratus. Pada keseluruhannya, penglibatan bumiputera dalam sektor pertanian adalah berorientasikan peringkat pengeluaran sahaja iaitu dalam aktiviti-aktiviti pekebunan getah, kepala sawit, koko, padi dan lain-lain. Mereka masih belum dapat menyertai aktiviti pertanian komersial secara meluas. Penyiasatan untuk tahun 1988 menunjukkan daripada kira-kira 1,300 syarikat ladang getah, penguasaan mereka ialah sebanyak 10 peratus sahaja.

RRJP2—PENURUNAN KADAR KEMISKINAN

50. Tuan K. Munisamy minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Kerajaan telah mengumumkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dengan objektif dan strategi-strategi bagi pembangunan negara keseluruhannya:

- (a) kadar kemiskinan Malaysia keseluruhannya telah menurun dari 42.2 peratus dalam tahun 1976 kepada 17.1 peratus dalam tahun 1990, manakala pendapatan purata bulanan isirumah telah meningkat daripada \$505 kepada \$1,167 dalam tempoh yang sama. Adakah penurunan kadar kemiskinan dan kenaikan pendapatan ini mengambilkira pendapatan sebenar (real income) setelah mengkaji keadaan inflasi negara;

- (b) Jadual 4-2 dokumen RRJP2 menunjukkan kadar kemiskinan Malaysia dijangka jatuh dari 17.1 peratus dalam tahun 1990 kepada 7.2 peratus dalam tahun 2000. Walaupun kadar kemiskinan menurun tetapi jumlah isirumah yang miskin dan termiskin dijangka bertambah dari 3.6 juta kepada 5.2 juta dalam tempoh tersebut. Ini jelas menunjukkan dari segi 'absolute value' keadaan kemiskinan dijangka bertambah buruk dan adakah ini bermakna usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan tidak akan berjaya; dan
- (c) Satu dasar yang baik sahaja tidak mencukupi bahkan yang lebih penting ialah pelaksanaannya dan ini jelas telah dipelajari daripada pelaksanaan DEB. Supaya perkara yang serupa tidak berulang lagi, adakah Kerajaan akan menyusun semula dan perkemaskan lagi jentera pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Penurunan kadar kemiskinan dan kenaikan pendapatan purata penduduk negara ini sememangnya mengambilkira pendapatan sebenar kerana hanya dengan cara demikian sahaja Kerajaan dapat mengetahui sama ada taraf hidup rakyat sebenarnya telah meningkat atau sebaliknya. Bagi menyediakan anggaran kadar kemiskinan negara misalnya, Kerajaan sentiasa mengemas-kini Garis Pendapatan Kemiskinan dari setahun ke setahun mengikut perubahan indeks harga pengguna (CPI). Dengan ini faktor perubahan harga dan kos hidup telah sentiasa diambilkira. Sementara itu, dari segi pendapatan purata
- pula, analisa perubahan pendapatan juga dibuat berasaskan pendapatan sebenar, iaitu dengan mengambilkira harga tetap pada satu-satu tahun tertentu. Sebagai contoh, bagi tempoh 1976 hingga 1990, pendapatan purata nominal meningkat daripada \$505 kepada \$1,167 manakala pendapatan dari segi sebenar (pada harga 1976) meningkat daripada \$506 kepada \$721.
- (b) RRJP2 menganggarkan kadar kemiskinan turun daripada 17.1 peratus pada tahun 1990 kepada 7.2 peratus tahun 2000. Dari segi jumlah pula, bilangan isirumah miskin dijangka berkurang daripada 619,400 kepada 373,900 dalam tempoh yang sama. Yang Berhormat nampaknya telah tersalah rujuk angka-angka dalam Jadual 4-2. Jumlah 3.6 juta dan 5.2 juta adalah merupakan jumlah keseluruhan isirumah masing-masing pada tahun 1990 dan 2000.
- (c) Usaha-usaha memperkemaskan lagi jentera pelaksanaan yang meliputi fungsi dan peranan agensi-agensi Kerajaan akan terus dibuat di bawah RRJP2 demi untuk mempertingkatkan keberkesanan DPN. Bagi tujuan ini, tumpuan akan diberikan terhadap sistem penyampaian (delivery system) supaya setiap program benar-benar sampai kepada kumpulan sasaran dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan di bawah Dasar tersebut. Sementara itu, pengalaman-pengalaman yang diterima di sepanjang 20 tahun pelaksanaan DEB dahulu sudah tentu akan dijadikan panduan yang amat berguna bagi memastikan DPN dilaksanakan dengan lebih berjaya lagi.

USUL

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KEDUA 1991-2000 DAN DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosio-ekonomi negara bagi tempoh dua puluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, 1971-90 dan Dasar Ekonomi Baru;

mengambil maklum dan merestui usaha-usaha Kerajaan yang berterusan dalam melaksanakan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program untuk mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, menerusi Dasar Ekonomi Baru, bagi mencapai perpaduan negara serta mengekalkan pembangunan yang stabil dan berterusan di dalam persekitaran yang aman, stabil dan selamat;

melulus dan menyetujui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Nasional, yang menetapkan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar yang akan diikuti di dalam usaha negara mencapai matlamat yang dirangka untuk dekad akan datang seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1991;

Bahawa, dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Nasional, Dewan

ini menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat bekerja dengan lebih gigih dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersama-sama bersatu padu dalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdaya tahan. (26hb Julai, 1991)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah.

3.34 ptg.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi peluang untuk saya menyokong Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tuan Abdul Ghafar bin Baba di Dewan Negara pada 24hb Julai, 1991 yang lalu dan mengambil bahagian di dalam perbahasan.

Sebelum saya teruskan, izinkan saya mengucap setinggi-tinggi tahniah kepada calon Barisan Nasional yang menang di Perai pada hari Sabtu yang lalu. Ini membuktikan bahawa rakyat telah memilih dan memberi mandat dan kepercayaan kepada Barisan Nasional untuk meneruskan pembangunan dan membela rakyat. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin yang telah diberi kepercayaan menjalankan persidangan Dewan Negara pada 26hb Julai, 1991 yang lalu. Perkara ini mencatat satu sejarah dalam Dewan Negara Malaysia bahawa seorang wanita telah dapat menjalankan persidangan. Tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya RRJP2 yang dibentang itu telah dirancang dengan teliti dan menyeluruh dan mempunyai visi yang lebih kemas kepada semua golongan rakyat Malaysia, dengan penuh harapan supaya rakyat akan menyahut, menerima dan melaksanakannya dengan lebih bermakna. RRJP2 ialah pengganti kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang tamat pada tahun 1990. Ianya akan meneruskan pembangunan negara dengan lebih pesat dan terancang. Sejak tahun 1970, Malaysia telah berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berterusan. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam nilai sebenar telah berkembang pada kadar 6.7% setahun bagi tempoh 1971-1990. Negara kita dapat membasmi kemiskinan dan tahap pencapaian ini adalah lebih baik daripada apa yang dijangkakan. Kadar kemiskinan negara telah berkurang daripada 52.4% pada tahun 1970 kepada 17.1% pada tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1989 hingga 1991 sahaja, \$412 juta telah diperuntukkan kepada 52,128 keluarga yang miskin oleh Kerajaan kita. Pada hari ini kalau kita lihat di beberapa bandar, jalan-jalan dan di kaki lima masih terdapat peminta-peminta sedekah dalam keadaan yang daif. Sebahagiannya adalah rakyat Malaysia dan yang lainnya bukan daripada rakyat Malaysia. Walaupun perkara ini telah beberapa kali disebut di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi keadaan masih tidak berubah. Bukan kita tidak simpati kepada peminta-peminta sedekah ini tetapi keadaan mereka ini mencemarkan pandangan pelancong-pelancong terutama dari luar negeri. Saya harap tindakan yang sewajarnya patut dibuat dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit catatan akan peristiwa-peristiwa yang kita alami sama ada positif atau negatif supaya

ianya akan jadi renungan dan tindakan untuk memperbaikinya pada masa akan datang:

- (1) Kira-kira 1,000 buah kilang di seluruh negara dikenalpasti mengeluarkan buangan terjadual sisa toksid yang berjumlah 400,000 meter padu setahun. Apakah tindakan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar?
- (2) 456 kes tipu kad kredit melibatkan wang sebanyak \$2,885 juta.
- (3) \$738.1 juta bahan makanan diimport tahun lalu.
- (4) 8,701 lesen teksi dikeluarkan di Wilayah Persekutuan.
- (5) KTM catat perolehan \$75.7 juta dari jualan tiket tahun lalu.
- (6) Menerusi Program Latihan Belia Negara (LBN), 500,000 belia akan dilatih dalam tempoh lima tahun.
- (7) 21 orang pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil SRJK(T) Lenggeng, yang menduduki Ujian Penilaian Darjah VI Kertas Bahasa Malaysia, terpaksa dikuarantin kerana satu kesilapan yang berlaku pada Kertas Soalan.
- (8) Kor Wanita Kota di bawah pengawasan Yang Berhormat Dato' Drs Suleiman bin Mohamed telah berjaya mengadakan Ceramah Agama sempena Maal Hijrah di Dataran Merdeka.
- (9) Tabung Muassem Kutip Derma-\$84,510.56 daripada hasil sumbangan orang ramai diberi kepada waris simati dalam nahas terowong Muassem.
- (10) "Tentera Semut" masih menjalankan kegiatan menyeludup di sempadan Malaysia/Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, dari 10 tajuk catatan di atas, didapati 5 positif dan 5 negatif ini adalah sebagai contoh iaitu negara kita makin bertambah maju, bertambah pendapatan, bertambah hasil, para dermawan pun bertambah, malahan kegiatan yang tidak diinginkan juga bertambah. Kita berharap supaya segala perancangan dari semua Kementerian-kementerian, agensi-agensi dan swasta dapat meneliti dan mengatasi perkara-perkara negatif dan meneruskan bahkan melipatgandakan perkara-perkara positif.

Semua rakyat Malaysia sedar bahawa kita berada di dalam negara yang harmoni ini adalah berkat Kerajaan Barisan Nasional yang stabil yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Encik Abdul Ghafar bin Baba, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Negara kita terkenal di seluruh dunia. Dalam RRJP2, semua rakyat Malaysia boleh mengambil bahagian dalam semua sektor asalkan mereka sanggup bekerja kuat, bertoleransi dan mempunyai sikap penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah ucapan saya yang ringkas bagi menyokong RRJP2. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang.

3.42 ptg.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut sama mengambil bahagian bagi menyokong RRJP2 yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri. Sebelum itu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,

yang telah merangka suatu perancangan yang difikirkan baik untuk rakyat dan negara pada masa kini dan pada masa akan datang.

Di samping itu, rasa saya tidak baik ataupun kurang elok kalau saya tidak sampaikan setinggi-tinggi terima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bertungkus lumus menyediakan segala data dan siasatan mengenai pelancaran RRJP2 ini dalam tempoh 10 tahun, kerana pada hemat saya siapa pun yang menjadi pemimpin, dia boleh menyuarakan sesuatu bermula daripada angan-angan sehingga ianya menjadi kenyataan mestilah ada sumbangan daripada para pemikirnya, daripada pegawai-pegawai tinggi sehinggalah serendah-rendahnya. Jadi, dengan sebab itu saya rasa amat sesuai di Dewan yang mulia ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan daripada atas hinggalah ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sanggup pada permulaan ucapan saya ini hendak memuji rancangan ini, kerana rancangan ini saya rasa takut dan sangat bimbang dengan peruntukan yang begitu banyak yang akan dicurahkan sehingga ianya berjaya menjangkau Wawasan 2020 kira-kira 30 tahun dari sekarang ini. Apa yang saya takut ialah tentang manusia itu sendiri iaitu tentang rakyat negara ini. Kita pernah lihat, kita pernah dengar, apabila sesebuah negara itu maju, kadang-kadang rakyatnya tidak maju dalam etikata akhlaknyanya. Ia kadang-kadang lebih banyak menjadi syaitan daripada menjadi seorang manusia yang berguna. Dengan sebab itulah saya berharap, dalam kita beria-ia merencana dan hendak melaksanakan rancangan ini, jangan dilupa sama sekali dan hendaklah ditekan yang amat sangat tentang budi pekerti dan akhlak rakyat negara itu sendiri.

Kita sendiri rasai bahawa Malaysia, walaupun kita separuh maju kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang sedang membangun, maka rakyat kita ada yang sanggup menjadi perompak antarabangsa. Barangkali di kalangan pemimpin kita ada yang sedar tentang perkara ini terasa malu dan aib kerana rakyat kita dari Malaysia ini sanggup menjadi perompak dan pengedar terutama sekali dalam soal dadah di peringkat antarabangsa.

Sekali pandang, maka ianya sebagai hero kerana sanggup merompak di luar negara. Tetapi dari kacamata manusia yang waras fikiran, maka negara kita seolah-olah mengeluarkan manusia-manusia yang sanggup menjahanamkan keadaan atau suasana di negara lain. Dengan sebab itu, apabila rancangan ini akan terlaksana kelak, saya berharap Kementerian yang bersabit ataupun yang berkenaan mengambil perhatian supaya rakyat kita menjadi rakyat yang bahagia, rakyat yang berakhlak tinggi dan mulia, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, rancangan ini tidak akan berjalan begitu baik sekiranya tidak ada kerjasama dari semua pihak, yang pertama-tama sekali ialah pihak Kementerian yang berkenaan, sebelum perkara ini disampaikan ke peringkat-peringkat negeri dan daerah-daerah.

Saya menarik perhatian Dewan ini menyebut satu-dua Kementerian yang pada fikiran saya sangat penting. Yang pertama sekali ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana Kementerian ini memainkan peranan yang penting di kawasan-kawasan luar bandar, kerana di dalam rancangan ini semua orang menyebut hendak membasmi kemiskinan.

Apabila kita bayang tentang kemiskinan, jelas kepada kita kemiskinan di bandar ini agak berkurangan, di luar bandar lebih

banyak. Jadi, saya nampak Kementerian ini harus memainkan peranan, jangan berlaku seperti yang sudah-sudah yang pernah saya sebut di Dewan ini iaitu Kementerian ini membiarkan sesuatu rancangannya tanpa difollow-up, dengan izin, tanpa diselia dengan sepenuh hati.

Contohnya, banyak kilang-kilang kecil yang diberi melalui KEMAS tiap-tiap negeri dan daerah. Kadang-kadang kepala ada, ekor ada, perutnya tak ada. Ini berlaku di mana-mana, bukan sahaja di satu-satu negeri, malah di seluruh negara dan saya pernah menyaksikan sendiri perkara ini berlaku dan telah bertukar tangan tanpa diketahui oleh pegawai yang berkenaan. Ada mesin dari Terengganu umpamanya dijual di Johor. Ada mesin di negeri Pahang bertukar tangan ke negeri lain. Ini berlaku.

Saya tidak tuduh pegawai yang berkenaan tidak bertanggungjawab. Tetapi Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini tidak mengambil berat tentang perkara ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pernah berdialog dengan Timbalan Menteri yang berkenaan tetapi dia gagal memberikan jawapan. Jawapannya kerana dia baru memegang jawatan ini. Saya cabar beliau supaya pada masa yang akan datang ini, kalau mahu kepada orang-orang di luar bandar ini hidup dalam keadaan senang-lenang, lebih baik daripada orang-orang di bandar, maka Kementerian ini harus bertanggungjawab.

Perkara yang kedua, apabila rancangan ini tempohnya panjang, kita tentu memerlukan kepada manusia yang baik, manusia yang tekun, sanggup bekerja kuat untuk kemajuan negara dan kita harus latih, bukan sahaja murid-murid sekolah yang berumur 6-7 tahun malah yang berumur 4 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, perhatian harus diambil oleh pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang sehingga hari ini tidak dapat menyediakan guru-guru Tadika di kampung-kampung. Ada kampung yang muridnya sampai 500 orang, gurunya ada 3 orang sahaja. Selepas itu sesetengah para pemimpin datang ke kampung-kampung memberitahu bahawa rakyat di luar bandar tidak mahu mengambil bahagian bersama-sama dengan Kerajaan untuk menjayakan rancangan Kerajaan. Inilah kata-kata yang pernah kami dengar oleh sebahagian pemimpin-pemimpin di luar bandar. Adakah pihak pemimpin ini sedar dan mengerti adat-istiadat dan tabiat orang-orang di luar bandar? Jangan hanya bercakap di dalam Dewan yang sejuk seperti ini sahaja. Buktikan kepada saya di Dewan ini bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui KEMASnya, guru-guru Tadikanya cukup atau tidak bagi melatih bakal-bakal murid untuk masuk ke sekolah di seluruh negara. Saya berharap, kerana orang inilah kelak akan mewarisi Wawasan 2020 ataupun 3030 ataupun 4040 daripada sekarang.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta sekali lagi, melalui Dewan yang mulia ini supaya Kementerian yang berkenaan di mana Timbalan Menterinya ada berjanji dengan saya akan menyelesaikan perkara ini sebelum 1992. Saya hendak tengok dan saya mahu lihat perkara ini, sejauh mana ketegasan yang berkenaan, kerana Kementerian ini mempunyai suatu matlamat yang sangat besar dalam erti kata politiknya sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, dari Kementerian ini saya suka mengingatkan Kementerian Kesihatan. Semua Ahli Yang Berhormat di Dewan

ini bercakap. Jawapan-jawapan telahpun diberi oleh Menterinya, Timbalan Menterinya, Setiausaha Parlimennya dan kita akui bahawa para doktor pakar dan tidak pakarnya tidak cukup di Malaysia ini dan kita terpaksa import Pegawai-pegawai Perubatan daripada negara-negara lain sehingga hari ini sungguhpun kita sudah merdeka 30 tahun lebih dan kita telah mengeluarkan banyak doktor-doktor dari anak tempatan. Saya juga pernah bercakap di Dewan ini, tidakkah ada satu rancangan Kementerian Kesihatan ini memberi peluang kepada pembantu-pembantu hospital, jururawat-jururawat hospital yang berkelayakan, yang telah lulus peperiksaan untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti dalam negeri ataupun luar negeri untuk menjadi doktor-doktor dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kerana pembantu hospital dan jururawat ini yang telah lulus peperiksaan Jabatan dan sebagainya, mempunyai kelayakan kalau diberi peluang. Tempoh untuk menjadi seorang doktor tidak begitu lama. Dengan sebab itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan supaya memberi peluang kepada mereka ini melanjutkan pelajaran di dalam bidang-bidang perubatan dan teknikal, mulai daripada tahun ini kalau Wawasan 2020 ini benar-benar mahu berjaya untuk mempercepatkannya. Sebab kalau rakyat tidak sihat, Wawasan 2020 akan mati langsung, jangan diharap, ia tidak akan berjaya. Kalau semua rakyat, misalannya 95% semua kena AIDS, 90% semua hisap dadah, 90% semua kena demam kura, saya yakin negara ini akan bankrap dan akan ditakluk oleh orang lain. Jadi, dengan sebab itu kenalah difikir oleh Kementerian Kesihatan supaya suatu perubahan ala-Malaysia mesti diadakan dan mesti dilaksanakan, kerana sepanjang yang saya nampak dan

ketahui, sebahagian besar Kementerian Kesihatan menjalankan kerja dan cara-caranya ala-British, ala-penjajah. Saya boleh beri bukti - masih stail lama, stail penjajah - dengan sebab Kementerian ini sangat terikat dengan cara-cara penjajah. Bukti banyak.

Kita tahu, bukannya kita perlu di hospital-hospital ini bomoh, tok jampi dan mentera - tidak. Tetapi paling kurang hospital-hospital ini memberi peluang kepada rakyat sewaktu pesakit itu sedang nazak supaya pegawai-pegawai tingginya memberitahu pegawai-pegawai di bawahnya, apabila pesakit ini hampir hendak mati, berilah peluang kepada keluarganya menghampiri si pesakit ini dan bagi orang Islam memberi peluang membaca apa jua ayat-ayat suci di situ. Kalau boleh diberi peluang kepada orang Kristian, umpamanya, mengapa orang Islam tidak digalakkan? Dengan sebab itu, saya kata stail penjajahan masih wujud di hospital-hospital di dalam negara kita.

Selain daripada itu, kita dapati banyak daerah-daerah di dalam negara ini yang bilangan penduduknya lebih daripada 100,000-200,000 yang perlu wujud hospital daerah, tetapi kita pernah dengar jawapan daripada Kementerian Kesihatan, kononnya tidak ada sebarang perancangan di daerah-daerah yang sebesar ini untuk diwujudkan hospital-hospital. Mengapa berlaku sedemikian? Mengapa tidak dirangka? Tetapi kalau jawapannya menyatakan kepada Dewan ini iaitu bagi mana-mana daerah yang penduduknya lebih daripada 150,000-200,000, bagi pihak Kementerian telah merangka dan mewujudkan Hospital-hospital Daerah, saya berterima kasih. Tetapi setakat yang saya dengar di dalam Dewan ini, sehingga hari ini, tidak ada satu jawapan yang seperti ini. Cuma jawapan daripada Kementerian yang berkenaan ialah mereka sedang mendirikan hospital di sana sini. Tetapi

rancangan itu tidak dibuat. Buktikan kepada saya oleh Kementerian yang berkenaan berapa banyak rancangan FELCRA, FELDA dan sebagainya di dalam negara dan berapa banyak pula bilangan hospital daerah yang telah diwujudkan di sana, sama ada telah dibina ataupun dalam perancangan. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diilhamkan untuk mewujudkan Wawasan 2020, mengapa bagi pihak Kementerian ini tidak dapat melihat keadaan ataupun ilmu alam negara ini, di mana terdapat bilangan rakyat yang ramai. Saya tidak yakin, kerana di Kementerian yang berkenaan juga mempunyai pakar-pakar yang ramai untuk melihat tempat-tempat di negara ini sama ada dari dekat atau dari jauh tentang bilangan penduduknya yang mana perlu didirikan atau dirancangan hospital-hospital sebagaimana yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih ke Kementerian lain, iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Menteri nya wanita. Mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak yakin surat-surat Ahli Dewan Negara ini ke Pejabat Kebajikan Negeri tidak pernah dijawab. Mengikut peraturan, apabila sesuatu Jabatan tidak menjawab surat dalam tempoh dua minggu kepada penulisnya, maka pegawai yang berkenaan layak turun pangkatnya. Barangkali pegawai Kerajaan tahulah G.O atau F.G.O. Sebagai satu bukti, saya sehingga sedang bercakap ini masih berjawatan Ahli Dewan Negara Parlimen Malaysia. Kalau tidak, mungkin tidak dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Tetapi surat saya ke Pejabat Kebajikan, Kuala Terengganu tidak pernah sekalipun dijawab dan ada surat dari Yang Berhormat Wakil Rakyat lain yang dihilangkan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Dengan sebab itu, saya berharap Menteri yang berkenaan menggunakan segala kebijaksanaannya melatih, mengajar, mengasuh mereka ini, kalau

ketahui, sebahagian besar Kementerian Kesihatan menjalankan kerja dan cara-caranya ala-British, ala-penjajah. Saya boleh beri bukti - masih stail lama, stail penjajah - dengan sebab Kementerian ini sangat terikat dengan cara-cara penjajah. Bukti banyak.

Kita tahu, bukannya kita perlu di hospital-hospital ini bomoh, tok jampi dan mentera - tidak. Tetapi paling kurang hospital-hospital ini memberi peluang kepada rakyat sewaktu pesakit itu sedang nazak supaya pegawai-pegawai tingginya memberitahu pegawai-pegawai di bawahnya, apabila pesakit ini hampir hendak mati, berilah peluang kepada keluarganya menghampiri si pesakit ini dan bagi orang Islam memberi peluang membaca apa jua ayat-ayat suci di situ. Kalau boleh diberi peluang kepada orang Kristian, umpamanya, mengapa orang Islam tidak digalakkan? Dengan sebab itu, saya kata stail penjajahan masih wujud di hospital-hospital di dalam negara kita.

Selain daripada itu, kita dapati banyak daerah-daerah di dalam negara ini yang bilangan penduduknya lebih daripada 100,000-200,000 yang perlu wujud hospital daerah, tetapi kita pernah dengar jawapan daripada Kementerian Kesihatan, kononnya tidak ada sebarang perancangan di daerah-daerah yang sebesar ini untuk diwujudkan hospital-hospital. Mengapa berlaku sedemikian? Mengapa tidak dirangka? Tetapi kalau jawapannya menyatakan kepada Dewan ini iaitu bagi mana-mana daerah yang penduduknya lebih daripada 150,000-200,000, bagi pihak Kementerian telah merangka dan mewujudkan Hospital-hospital Daerah, saya berterima kasih. Tetapi setakat yang saya dengar di dalam Dewan ini, sehingga hari ini, tidak ada satu jawapan yang seperti ini. Cuma jawapan daripada Kementerian yang berkenaan ialah mereka sedang mendirikan hospital di sana sini. Tetapi

rancangan itu tidak dibuat. Buktikan kepada saya oleh Kementerian yang berkenaan berapa banyak rancangan FELCRA, FELDA dan sebagainya di dalam negara dan berapa banyak pula bilangan hospital daerah yang telah diwujudkan di sana, sama ada telah dibina ataupun dalam perancangan. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diilhamkan untuk mewujudkan Wawasan 2020, mengapa bagi pihak Kementerian ini tidak dapat melihat keadaan ataupun ilmu alam negara ini, di mana terdapat bilangan rakyat yang ramai. Saya tidak yakin, kerana di Kementerian yang berkenaan juga mempunyai pakar-pakar yang ramai untuk melihat tempat-tempat di negara ini sama ada dari dekat atau dari jauh tentang bilangan penduduknya yang mana perlu didirikan atau dirancangan hospital-hospital sebagaimana yang saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih ke Kementerian lain, iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Menteriannya wanita. Mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak yakin surat-surat Ahli Dewan Negara ini ke Pejabat Kebajikan Negeri tidak pernah dijawab. Mengikut peraturan, apabila sesuatu Jabatan tidak menjawab surat dalam tempoh dua minggu kepada penulisnya, maka pegawai yang berkenaan layak turun pangkatnya. Barangkali pegawai Kerajaan tahulah G.O atau F.G.O. Sebagai satu bukti, saya sehingga sedang bercakap ini masih berjawatan Ahli Dewan Negara Parlimen Malaysia. Kalau tidak, mungkin tidak dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Tetapi surat saya ke Pejabat Kebajikan, Kuala Terengganu tidak pernah sekalipun dijawab dan ada surat dari Yang Berhormat Wakil Rakyat lain yang dihilangkan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Dengan sebab itu, saya berharap Menteri yang berkenaan menggunakan segala kebijaksanaannya melatih, mengajar, mengasuh mereka ini, kalau

tidak, lebih baik berhenti kerana kita hendak tuju kepada Wawasan 2020. Kita tidak mahu lagi manusia yang bertopeng - maksud saya berbulu ayam tapi musang. Kalau mahu politik, letak jawatan bertanding di pilihanraya. Masuk parti apa, kami tidak peduli. UMNO tidak akan undur, kalau pegawai seperti ini lebih baik berhenti. Saya minta Menteri yang berkenaan siasat apa yang berlaku di Pejabat Kebajikan Masyarakat, Kuala Terengganu, ibu negeri. Saya tidak marah fasal tidak dijawab surat saya dan saya sebagai Ahli Dewan Negara membuat permohonan secara tertib, minta senarai orang-orang miskin dan secara kebetulan saya dilantik oleh UMNO Bahagian Kuala Terengganu menjadi Pengerusi Kebajikan. Jadi, surat daripada Pengerusi Kebajikan, UMNO Bahagian Kuala Terengganu, yang merangkumi Parlimen Kuala Terengganu pun tidak dijawab.

Saya pergi minta Setiausaha pejabat yang berkenaan, dia jawab "Minta maaf, ini rahsia Kerajaan". Yang Berhormat minta, rahsia Kerajaan. Tetapi ada orang parti lawan minta, tidak rahsia Kerajaan. Inilah masalah yang timbul. Lepas itu kita launglah ya, kita ada kuasa, kita hendak buat itu, hendak buat ini. Tujuan saya hendakkan senarai orang-orang miskin ini bukan bertujuan hendak potong nama orang yang tidak menyokong Kerajaan, tidak ada niat saya. Paling kurang saya tahu di mana orangnya, kampungnya, laki-laki ataupun perempuan, muda ataupun tua, kerana orang miskin yang diistilahkan yang diberi bantuan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat ini ada yang berumur 22 tahun. Masih muda, anak satu dua sahaja, bukan tua sangat, tetapi ditakrif miskin. Jadi, hidup orang inilah hendak dibaiki, tidak memadai dengan hanya memberi bantuan \$50 sebulan. Dia mahu hidup lebih panjang.

Dengan sebab itu, saya cadangkan kepada Kementerian yang berkenaan

ini supaya buka dia punya kepala, jernih dia punya otak, kerana Lembaga Kebajikan Negara ini ada, kalau tidak silap saya, saya telah difahamkan. Saya tidak tahu sejauh ini setakat mana perjalanan Lembaga Kebajikan Negara ini. Selama empat tahun setengah saya menjadi Ahli Dewan Negara ini tidak pernah ada laporan Lembaga ini. Lembaga lain semua ada, yang pakai stencil pun ada, tetapi Lembaga ini tidak pernah jumpa laporannya. Apa peranan Lembaga ini bagi membantu Kerajaan membaikpulih keadaan orang-orang miskin di dalam negara ini..

Tahun lepas saya pernah bercakap di sini supaya Lembaga ini meminta tanah dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menanam apa sahaja, kalau tidak mampu buat sendiri, buat joint venture dengan orang lain seperti telah dibuat di negeri Pahang yang memberi tanah untuk orang miskin dari segi jangka panjang, sesuai dengan Wawasan 2020. Apa yang kita hendak beri kepada orang miskin? Hendak beri rumah panjangnya 20 kaki dan lebarnya 10 kaki, satu bilik satu dapur? Dia ada anak dara satu hari umur 18, dia ada anak teruna satu hari umur 21. Kalau si janda yang diberi bantuan ini, dia pun ada minat hendak kahwin lagi. Saya rasa ini tidak memadai. Kalau hanya semata-mata kita mengharapkan bantuan Kerajaan sedangkan kita ada tapak Lembaga untuk mengurus, membantu Kerajaan. Buka sahaja ladang di mana-mana, Lembaga ini beli saham apa-apa juga untuk menampung sebahagian perbelanjaan orang-orang miskin dalam negara. Kalau sekadar disebut di dalam kertas ini sahaja, kita hendak baiki orang miskin, hendak itu orang miskin, apa yang hendak kita buat. Di mana-mana heboh fasal hadiah rumah berharga \$3,000. Lagi dekat pilihanraya, lagi hebat kita punya kempen. Lepas itu serah kepada Pegawai Daerah, yang banci Penghulu. Ada setengah Penghulu itu ada kira-kira.

(Tuan Adam bin Kadir
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya terpaksa bercakap terus-terang. Serah kepada JKKK, ada berlaku, wang telah diterima, rumah belum disiapkan sampai sekarang. Wang sudah dibayar, dia pergi haji, si haji itu balik, baru-baru ini 21 haribulan, tetapi rumah belum siap. Bunyi kecil sahaja, satu rumah sahaja, harga \$2,000, kalau saya sebutkan di Dewan ini pun tidak munasabah. Kalau pernah berlaku satu, mungkin ada lagi. Itu banyak perkara tipu dari segi pembinaan rumah itu sendiri. Hendak suruh buat kayu keras, dia taruh kayu cap-cai. Barangkali Tuan Yang di-Pertua, tahulah kayu cap-cai.

Tuan Adam bin Kadir: Tahu.

Tuan Mustafa bin Awang: Tahu pun cap-cai, mutu rendahlah ya.

Tuan Adam bin Kadir: Cap layar!
(Ketawa)

Tuan Mustafa bin Awang: Tapi rumah bolehlah duduk, kalau setakat itu. Hendak diberi tanah luas-luas, katanya nanti tanah tidak cukup. Rakyat akan bertambah jadi 70 juta. Zaman orang tua kita dahulu dapat 10 ekar seorang. Sekarang ini tidak boleh berilah. Apa hendak buat. Beri peluang masuk ASN, satu kampung 15,000 tiga orang dapat ASN. Ini kena fikir bagaimana boleh berlaku ini. Bagaimana berlaku begini? Ada pula negeri-negeri dalam Malaysia ini tidak bersamaan dengan kepimpinan negara. Ini pun menyulitkan, yang menjadi mangsa ialah rakyat, kena banyak fikir.

Jadi, tentang orang miskin ini, janganlah hanya memberi rumah itu sudah memadai. Saya sarankan sekali lagi supaya Kementerian yang berkenaan menyediakan sesuatu, pelaburan tanah yang paling penting sekali di tiap-tiap negeri supaya dimain peranan oleh Lembaga ini. Apabila

Lembaga ini ada ladang esok, anak si miskin ini akan jadi pegawai, jadi kerani dan sebagainya di dalam ladang yang berkenaan. Seperti apa yang berlaku kepada FELDA, anak-anak peneroka itu jadi pengurus, jadi engineer dan sebagainya. Kalau setakat hendak beri duit \$50 seorang sebulan, saya rasa selama mana, Kerajaan tidak mampu, dan dia tidak akan berubah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap apa yang saya sarankan ini, insya Allah, akan dilaksanakan.

Selain daripada itu, ada lagi satu Kementerian yang harus saya sebut dan saya senantiasanya menyebut, kerana ini ada hubungan dengan RRP2 dan seterusnya. Kementerian ini memang satu Kementerian yang sangat penting dan hari ini pun dia jadi penting kerana Menterinya pun sangat lincah, beridea benar orangnya kerana dia banci ideanya. Sehingga Disember 1990, Menteri ini kata dia telah mengideakan kepada Kerajaan Malaysia ini sebanyak 294 idea. Entah apa ke benda, wallahu alam tidak disebut. Minum air kelapa adalah, yang saya tahu, dan makan ulam semua serta air koko-sekarang ini habislah koko pergi mana. Di kantin Parlimen ini, saya tidak pernah jumpa sekalipun air koko. Ahli-ahli Yang Berhormat lain, saya tidak tahu. Sewaktu Perhimpunan Agung UMNO, dari pagi sampai malam air koko memanjang. Sekarang tidak ada lagi. Tetapi walau bagaimanapun, saya berterima kasihlah.

Yang menarik perhatian saya, saya teringat dahulu Ketua Pengarah saya waktu saya kerja dengan Kerajaan. Dalam ucapan dia, saya cukup ingat. Dia kata sebenarnya penternak, nelayan adalah sebagai pemburu - sebagai pemburu. Jadi, saya tergambarlah yang memburu ini kadang-kadang, kita nampak orang utan, dia buru rusa, buru kijang. Pemburu maksud dia, kerana kita mencari sesuatu. Kalau kita sebagai seorang nelayan, kita terpaksa

menjadi seorang pemburu ikan, kerana ikan tidak akan lompat masuk dalam bot kita dengan sendirinya. Kita kena cari dia. Setelah kita jumpa kumpulan dia, baru kita pukat dia ataupun pancing dia. Demikian juga barangkali kerbau, lembu, kambing ini semua dia dahulu hidup di hutan, kita buru dan kita ternak. Jadi, hari ini sudah bertukar. Kalau dulu rusa pakai tembak, sekarang kita ternak dan sudah ada negeri-negeri yang ternak rusa-berjaya. Sama ada baka dibawa masuk dari luar negeri, itu tidak timbul. Mana baka yang sedia ada di Malaysia ini boleh tunggu dari mana pun. Misal kata rusa betina yang berada di Malaysia ini boleh tunggu rusa jantan dari Indonesia sekalipun.

Tuan Adam bin Kadir: Memburu?

Tuan Mustafa bin Awang: Ya, dia memburu. Dia memburu sesuatu. Jadi, sesuai dengan era baru Kerajaan Malaysia-Wawasan 2020 ini, Menteri yang saya sebut lincah tadi, Menteri Pertanian; dia hendak buka estet ikan. Estet ikan-kalau kita tukar perkataan 'estet' itu, Tuan Yang di-Pertua, kepada bahasa Melayu, dia panggil 'ladang ikan', serupa ladang kelapa sawit, ladang koko, ladang getah dan sebagainya.

Saya ucapkan syabas dan terima kasih. Idea dia ini bagus dan katanya duit sudah ada. Yang saya hairan ada satu benda. Tempat yang dicadang itu, saya pun tabik-bagus tempatnya. Saya pernah keliling pulau yang berkenaan ini dan ini amat sesuai iaitu di Langkawi. Yang bagusnya Menteri ini, satu. Apabila ada ladang ikan, ada hotel. (*Ketawa*)

Tuan Adam bin Kadir: Kalau ada ladang ikan, maknanya ada peladang ikan.

Tuan Mustafa bin Awang: Ada peladang ikan. Yang kurang senang dengan saya, belum apa-apa dia menyebut swasta dari luar negeri akan

turut serta melaksanakan ladang ini. Ini yang saya rasa pening, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah boleh ini jangan disebut dahulu. Tanya rakyat kita dahulu. Maknanya tepuk dada kita dahulu tanya selera. Aku orang Melayu ataupun orang lain yang ada di Malaysia ini mampu atau tidak buat ladang ini? Sebab bukti sudah ada. Berapa ramai orang sudah ternak ikan dalam sangkar? Di Kedah, di Langkawi, di Johor, di Terengganu, di Pahang. Mengapa cepat sangat kita buka jalan ini? Kononnya kita hendak tarik pelabur. Kita kena ingat, pelabur-pelabur ini ada dia lebur kita nanti. Fasal benda ini kita mampu. Hendak kira dari segi baka dan benih ikan, kita sudah mampu buat-mampu buat, Tuan Yang di-Pertua.

Di Terengganu kita buat benih ikan-di Tanjong Demo, di Besut-berjuta ekor ikan. Macam-macam ikan laut kita boleh buat. Buat apa dia sibuk panggil orang lain? Fasal kita tanya kita dahululah, baru kita panggil orang. Fasal benda ini mudah sahaja. Bukan payah, saya nampak. Di Sabah, di Sarawak boleh ternak udang-udang harimau. Tidak pernah makan orang pun, orang makan dia. Yang dahulu kita kata kita tidak pernah mimpi, udang di lautan ini boleh diternak di dalam kolam. Sekarang kita buat, di Kedah, di mana-mana kita buat. Buat apa sibuk sangat? Jadi, saya mintalah Menteri yang berkenaan ini, berilah peluang kepada anak-anak negara ini. Beri peluang terlebih dahulu. Jangan cepat sangat kita memerlukan kepakaran orang lain. Kita ada di negara ini pakar-pakar terpendam macam penyanyi juga. Tidak kurang.

Saya ucap terima kasih, syabas. Ladang ini boleh dibuat bukan di satu tempat sahaja, bukan di Langkawi sahaja, di mana-mana kawasan pulau, kawasan teduh di utara ataupun di selatan. Buat ladang. Apabila kita sudah buat ladang ikan-estet ikan ini, kita tidak memburu lagi. Tidak payah

pakai satu unit \$700,000 lautan dalam. Kerana sebahagian bot-bot lautan dalam, KI dan sebagainya sudah tenggelam, sudah tidak ada lagi. Itu yang saya rasa takut kerana kita terlalu laju, kipas kita patah, kita jatuh juga. Yang datang kita punya Perdana Menteri, Perdana Menteri Thailand pergi ke Pelabuhan Kuantan, potong pita, lancar bot, entah ke mana bot itu, ikan mendarat di mana.

Saya hendak tanya juga Menteri yang berkenaan. Berapa tan ikan yang didaratkan di Malaysia? Ke mana pergi ini semua? Mengapa kita tidak memberitahu rakyat kerana kita hendakkan terlalu maju. Kita hendakkan terlalu cepat. Jangan terlalu cepat, ikut undang-undang seperti undang-undang jalan raya. Jangan lebih 110 km. Kalau lebih 110 km, Kementerian Pengangkutan ini buat satu undang-undang. Beritahu Kementerian Kewangan jangan bayar insurans kalau mereka kena accident. Ini had 110 km, kawan itu lari 130 km, kalau accident, bayar juga. Berpakat dengan Menteri Kewangan, Dato' Seri. Kementerian Pengangkutan dengan Dato' Seri Anwar berpakat berdua. Siapa lari lebih daripada 110 km, insurans jangan dibayar kalau dia accident. Barulah kurang sedikit. Ini dia kata kalau patah, lagi banyak bayar. Mati \$7,000. Kalau mati si suami, janda muda boleh tahan. *(Ketawa)* Kalau mati si isteri, yang duda berumur sudah lebih 55 tahun merana dia. Ini semua kena fikirilah.

Tuan Adam bin Kadir: Cerita ini perbandingan sahajalah.

Tuan Mustafa bin Awang: Saya cadangkan terus, jangan sia-sia. Saya pun ada idea. Saya cadangkan Kementerian yang berkenaan ini berpakat. Lebih daripada 110 km, insurans jangan bayar.

Tuan Adam bin Kadir: Cerita asal tadi, ladang ikan tak?

Tuan Mustafa bin Awang: Itu ladang ikan, bersesuaian, kita aturlah.

Tuan Adam bin Kadir: Begitu, baiklah. *(Ketawa)*

Tuan Mustafa bin Awang: Ladang ikan. Jadi Menteri yang berkenaan, dan sedih lagi, kita pernah bertanya bila hendak berhenti import makanan dan sebagainya dari luar negeri ini? Dahulu pada tahun 1989, Menteri jawab kita import barang-barang luar negeri ini seperti jagung, itu dan ini berjumlah \$418 juta. Tadi saya dengar, Yang Berhormat Rosnah ada sebut \$718 juta, makin banyak. Kita makin maju, makin banyak. Itu pakai cangkul. Kita tidak import pun. Sekarang ini semua pakai mesin-lagi banyak. Bila hendak ada ini? Jangan kita membuang wang, membuat tempat-tempat yang hanya menjadi pameran sedangkan hasil tidak seberapa.

Saya terpaksa kena sebut, Tuan Yang di-Pertua, umpamanya projek Bukit Cerakah Seri Alam, tak kurang ingatan saya diberitahu oleh bekas Menteri Kewangan \$60 juta. Dahulu kalau saya tanya apa hasil yang datang daripada Bukit Cerakah ini, hasil yang datang secara langsung kepada rakyat \$60 juta. Dahulu saya pernah minta di mana ada satu ladang jagung sebagai permulaan pilot project di Malaysia ini tak boleh sebut kalau ada 200 hektar ini, itu pun sekali tanam. Mulanya tanam beria-ia benar, lepas itu hilang, kita terpaksa import juga. Jadi saya minta Kementerian Pertanian supaya hati-hati dan buatlah apa yang patut demi kepentingan dan faedah rakyat.

Andai kami estet ini dilaksanakan, tetapi bot laut dalam kena siasat. Tidak kurang botnya lesen Malaysia, ikannya dibawa ke negeri seberang, ke sempadan. Saya minta Menteri yang berkenaan jawab, lesen yang diberi atas nama Malaysia, mengapa ikan-ikannya dan botnya sekali sekarang ini sebahagiannya tidak ada di Malaysia,

sudah berpengkalan di Thailand. Saya tak tahu mengapa ke sana. Saya minta Menteri yang berkenaan jawab mengapa berlaku sedemikian, sedangkan ada rakyat yang betul-betul ikhlas mahukan bot ini mahu usaha di Malaysia ini tidak mahu dipertimbangkan dan ada rakyat yang tidak betul niatnya diberi dan dibawa ke sana. Saya rasa lebih baik batalkan sahaja lesen-lesen yang berkenaan dan kita beri kepada mereka yang betul-betul sanggup berpengkalan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya memang ada niat hendak cakap pendek sahaja, saya tak mahu sebut figure apa-apa, cuma satu sahaja lagi iaitu Kementerian Sumber Manusia. Berapa lama lagi agaknya buruh-buruh asing ini kita hendak kekalkan di negara kita kerana saya percaya orang-orang di negeri kita ini sama ada orang muda ataupun orang yang separuh umur yang tidak bekerja, masih menganggur, masih ramai, tetapi mengapa tidak suka bekerja di ladang.

Apabila kita bertanya mengapa orang ini tidak suka bekerja di ladang, ada orang kata bahawa orang Melayu malas, tetapi orang India ada, kenapa tak beri kepada dia. Kalau orang Melayu malas, orang Cina ada, mengapa tak pergi tebas kelapa sawit. Jadi persoalan apa yang timbul ini yang dia tidak mahu. Dahulu pernah kita minta sebab-sebab apa? Oh, kerana dalam estet tak cukup, airnya kuning, api tak ada, jalan raya tak ada, tetapi menghairankan kita ada jalan raya pendek pun dikenakan tol dalam estet, selesaikah atau tidak, wallahualam. Cuma yang saya minta ladang-ladang ini perbetulkanlah semula. Yang pertama, upahnya jangan kurang. Masa sudah tiba bukan lagi \$7.50 satu hari, kena beri gaji \$20 hingga \$25 satu hari. Kalau gaji \$7 satu hari, anak 5, isteri 1, bekerja memang bapa itu letih, letih bukan sahaja hendak sabit kelapa sawit, banyak perkara letih.....

Tuan Adam bin Kadir: Umpamanya?

Tuan Mustafa bin Awang: Umpamanya bapa ini lama-lama akan sakit pinggang, dia akan lumpuh. Apabila dia lumpuh, dia terpaksa keluar daripada estet itu. Jadi apabila dia keluar daripada estet, dia tak ada kerja, maka timbul miskin, lagi sekali beban miskin akan timbul. Jadi berilah dia gaji, walaupun ini tidak boleh ditentukan oleh Kerajaan, sebab kita tengok semua estet-estet ini untung, jarang yang rugi, fasal tanah ini dahulu dia dapat murah mula-mula dahulu. Kadang-kadang tanah sampai 2,000, 3,000, 4,000 ekar ini satu orang tuan sahaja. Tuan ini pula kadang-kadang tak pernah pijak tanah Malaysia sekalipun, dia ada di negeri lain, estetnya ada di sini. Penaikkanlah gaji itu, upah itu kena naik, baru ada minat orang hendak bekerja. Kalau tak percaya kata saya, cuba kita pelawa Pegawai Daerah (DO) gaji \$250 sebulan. Ahli-ahli Yang Berhormat ini paling tinggi \$350. Tuan Yang di-Pertua Dewan kita beri dia lebih sedikit \$700. Perdana Menteri turunkan gaji dia tinggal \$550....

Tuan Adam bin Kadir: Oh, Yang di-Pertua lebih tinggi daripada PMLah?

Tuan Mustafa bin Awang: Lebih tinggi sedikitlah.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih banyak.

Tuan Mustafa bin Awang: Kita bayangkan ini sudah lama. Saya sebenarnya walaupun saya bercakap begini, nampak tidak serius.....

Tuan Adam bin Kadir: Tetapi serius!

Tuan Mustafa bin Awang: Kena tukar ini. Jadi yang datang itu buruh daripada Indonesia, daripada Thailand.

Kita bukan hendak menuduh dia, negeri dia memang susah. Dia dapat \$2 itu syukur alhamdulillah, masih dok main gaji lama \$7.50, potong itu, potong ini, habis. Kalau kawan itu sakit hendak pergi jumpa doktor, itu satu hal. Ini satu masalah fasal kita hendak tuju kepada Wawasan 2020. Macam saya sebut mula-mula tadi, kalau sudah semua sakit, semua sudah letih, mata sudah kelabu, bagaimana Wawasan 2020 hendak selesai? Tak boleh selesai, percayalah, tidak boleh, saya tak nampak ini.

Dalam pada begini, saya berharap RRJP2 ini duitnya lagi banyak, bertimbun-timbun. Kadang-kadang duit ini apa yang berlaku ada mainan, saya tak ada niat hendak tuduh. Sekarang ini semua kita serah kepada pakar-pakar swasta, umpamanya kita serahkan pelan hendak buat satu bangunan harganya \$10 juta kepada swasta. Zaman dahulu kita serah kepada JKR, orang yang makan gaji. Oh, ini \$10 juta betul, kata dia. Kalau serah kepada swasta ini sepatutnya skru satu, dia kata dua-double, waktu pasang satu sahaja.

Pernah berlaku di Kuala Lumpur ini yang diceritakan oleh bekas Menteri Kewangan tahun lepas, saya masih ingat, ada bangunan sepatutnya harga \$150 juta sahaja, tetapi dengan secara spontan harga bangunan ini menjadi \$650 juta. Beza banyak \$650 juta dengan \$150 juta. Saya harap Tuan Yang di-Pertua kira sendirilah. Ini saya dimaklumkan secara rasmi oleh bekas Menteri Kewangan, saya tak payah sebut nama, mungkin semua orang ingat. Dia menggunakan kuasa Menteri Kewangan, minta di sini pelan-pelan ini, aku pun tahu baca, kata dia. Dia panggil orang lain, macam mana ini jadi tinggi? Kawan ini kata, Oh, ini fasal skru letak dua, letak tiga, pasang satu sahaja. Last sekali dia kata, tak boleh \$650 juta; hendak buat, buat; tak mahu buat, sudah—\$150 juta, cuma bangunan mana tak sebut. Ini berlaku.

Dengan sebab itu kenalah berhati-hati. Mungkin misal kata Tuan Yang di-Pertua seorang arkitek, saya kontraktor kawan baik, ini pun ada juga kira-kira. Saya tidak mahu tuduh sesiapa. Jadi kita takut orang tua-tua kata, 'pelebur habis palembang tak alah'; 'sikat murah rambut tak ada'; 'kacang putih murah, gigi tak ada'.....

Tuan Adam bin Kadir: Boleh ulang sedikit yang pertama itu?

Tuan Mustafa bin Awang: Ya?

Tuan Adam bin Kadir: Boleh ulang sekali lagi tak yang kata rambut tak ada sebelum daripada itu tadi?

Tuan Mustafa bin Awang: Yalah, sikat murah rambut tak ada buat apa lagi kan? Tak ada gunanya kan? (*Ketawa*). Harga sikat murah, rambut tak ada, tak boleh beli sikat!

Tuan Adam bin Kadir: Tak payah sikat.

Tuan Mustafa bin Awang: Tak payah sikatlah. 'Kacang putih murah, gigi tak ada', 'bandar terbuka, kita tua', pun tak ada guna juga. Jadi saya minta supaya berhati-hati. Saya percaya Menteri Kewangan yang baru ini, orang muda mata terang akan berwaspada tentang perkara itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kerana mungkin ini penghabisan ataupun orang lain hendak bercakap, cuma saya minta Jabatan Perdana Menteri supaya berhati-hati dan sebelum duduk satu cadangan saya, hampir saya terlupa, supaya Kementerian Luar Bandar ini mewujudkan cawangannya di negeri-negeri. Sebab tidak memadai segala projek-projek luar bandar ini dibebankan kepada pegawai-pegawai daerah ataupun pejabat daerah sahaja. Kementerian Luar Bandar ini hendaklah mengadakan cawangannya seperti Kementerian lain ada,

contohnya Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar ada di negeri-negeri. Jadi Kementerian Luar Bandar adakan itu disamping Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang selama ini melaksanakan projek di luar bandar ini seperti KEMAS dan lain-lain. Ia ada cawangan Kementerianya bagi mengawasi dan menyelia keadaan-keadaan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian yang berkenaan terutama sekali dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan akan masuk ke Rancangan Malaysia Keenam. Kalau ini dapat dibuat secara teratur, insya-Allah, saya sama-sama berdoa dan akan memberitahu orang lain supaya menyokong RRJP2 ini akan terlaksana.

Saya juga berharap dalam kita hendak melaksanakan rancangan ini, tidak ada lagilah bisa penyekat yang menjadi batu halangan di tengah jalan di seluruh negara sama ada negeri itu diperintah oleh Barisan Nasional ataupun tidak kerana ini niat Kerajaan Persekutuan untuk memberi kesenangan kepada rakyat di seluruh negara. Insya Allah kita sama-sama akan dapat menikmati kemajuan negara kita dalam bentuk adil dan saksama.

Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Itam Wali bin Nawan.

4.30 ptg.

Tuan Itam Wali bin Nawan: Tuan Yang di-Pertua, saya dahulukan ucapan saya ini dengan ucapan terima kasih kerana berpeluang turut serta dalam perbahasan usul RRJP2 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Encik Abdul Ghafar bin Baba, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 24hb Julai 1991 di Dewan yang mulia ini. Sebelum itu segala pujian saya, saya sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Dato'

Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia atas perhatian beliau kepada kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia yang kita amat sayang dan sama-sama bertanggungjawab kepada kestabilan politik dan ekonominya.

Semenjak tiga hari yang lalu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini telah memperdengarkan pendapat-pendapat dan pandangan masing-masing iaitu sebagai satu tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan menolong mencapai hasrat Kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih makmur dan produktif. Melalui kesempatan ini saya ingin menokok tambah kepada pandangan-pandangan yang telah disampaikan supaya masalah-masalah semua lapisan masyarakat di Malaysia dapat diketahui dan diambilkira pelaksanaannya dalam RRJP2 lebih kemaskini dan menemui hasratnya.

Secara keseluruhan, dapatlah saya katakan masanya telah sampai negara Malaysia berbicara tentang ekonomi berbentuk makro kerana ekonomi bentuk ini dapat menjamin peningkatan ekonomi negara Malaysia di peringkat local dan antarabangsa. Walau bagaimanapun, saya percaya pencapaian ekonomi makro ini nanti tetap ada kaitan dan taliannya dengan pengeluaran ekonomi tradisional yang berpengkalan di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan terpencil.

Dalam hubungan ini, ingin saya membicarakan mengenai kedudukan ekonomi kumpulan minoriti, iaitu Orang Asli. Kita berbangga dengan peningkatan sosio-ekonomi rakyat Malaysia. Daripada anggaran lebih kurang 18 juta rakyat Malaysia dikenalpasti terangkum sebagai rakyat termiskin, hanyalah 143,000 orang dan daripada jumlah itu, hanya 8,169 sahaja Orang Asli. Kejayaan ini tercapai adalah melalui beberapa Rancangan Malaysia yang lalu, iaitu mulai

Rancangan Malaysia Pertama hinggalah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Orang Asli, mengikut banci tahun 1990, jumlah Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia hanyalah 72,049 orang. Taburan kependudukan mereka adalah di semua negeri di Semenanjung Malaysia, yang terbanyak sekali ialah di negeri Perak, negeri Pahang, negeri Kelantan tetapi tidak ada seorang pun yang berada di negeri Perlis. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan-kawasan pinggir, kawasan-kawasan pendalaman hutan secara berselerak terutama di sekitar kawasan banjaran Gunung Titiwangsa daripada utara bersempadan dengan Thailand hinggalah ke selatan di Johor.

Saya sering meninjau keadaan sosio-ekonomi masyarakat ini dari masa ke semasa. Minat ini bukanlah kerana baru-baru ini, tetapi telah menjadi minat yang mendalam sejak lama dahulu kerana ingin melihat transformasi budaya ekonomi masyarakat ini yang dikatakan tradisional kepada moden. Saya pernah berjalan kaki daripada Felda Sungai Koyan di Raub keluar ke Cameron Highlands; daripada Cameron Highlands keluar ke Gua Musang di Kelantan; kemudian daripada Tapah ke Kuala Lipis. Saya dapati mereka tinggal di pondok-pondok buruk beratap daun bertam, berlantai dan berdinging buluh kemudian di dalamnya tidak ada apa-apa peralatan yang kita panggil luxury, dengan izin. Hanyalah yang ada raga-raga buruk dan alat-alat pertanian yang berbentuk tradisional.

Untuk meyakinkan diri saya sendiri sama ada ini lakonan masyarakat itu sendiri yang ingin mengatakan diri mereka dhaif, saya bertanya "Apakah pekerjaan kamu semua?". Mereka menjelaskan kepada saya, "Pekerjaan

kami hanya memungut hasil-hasil hutan yang terdiri daripada buluh, rotan dan bertani pindah berbentuk tanaman padi huma, ubi, keladi dan keledek". Dengan keterangan itu nyatalah pada saya masyarakat ini masih lagi ketinggalan di belakang dari segi ekonominya berbanding dengan masyarakat-masyarakat kita yang lain di Malaysia ini. Walau bagaimanapun saya terpaksa akur kepada data yang dikeluarkan mengenai bilangan Orang Asli yang dikenalpasti sebagai rakyat termiskin hanya 8,169 lebih orang itu walaupun hampir tidak percaya. Jika angka yang dikeluarkan itu sebagai benar, saya mengucapkan syabas kepada penggerak-penggerak dan perancang-perancang RM1 hingga RM5, maksud saya Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kelima, yang menjadikan Orang Asli berada di tahap ekonomi yang begitu baik.

Pada hemat saya tertinggalnya Orang Asli di belakang pencapaian sosio-ekonomi di negara ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara di luar jangkauan kita. Di antaranya yang boleh saya sebutkan di sini ialah disebabkan oleh eksploitasi tenaga manusia.

Orang Asli telah lama terdedah kepada pasaran buruh peringkat local. Ramai daripada mereka mengambil upah dengan pengusaha-pengusaha tempatan, orang-orang perseorangan berbentuk mengambil upah menebas, menebang ladang dan lain-lain pekerjaan buruh. Eksploitasi tenaga manusia yang saya maksudkan adalah upah dibayar tidak setimpal dengan kerja yang dilakukan. Lebih murah daripada yang dibayarkan kepada buruh-buruh lain walaupun kepada pendatang tanpa izin.

Tambahan kepada itu, gaji mereka tidak dicarumkan ke dalam Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) dan

tidak didaftar dengan SOCSO. Apabila mereka berhenti kerja, tidak ada apa-apa caruman yang ada dalam KWSP.

Terdapat juga kes-kes kemalangan semasa menjalankan kerja buruh. Tetapi kerana tidak mendaftarkan dengan SOCSO maka malapetaka itu menjadi sia-sia dan tidak ada apa-apa imbuhan daripada majikannya.

Sebelum itu, yang harus dipandang serius ialah kes-kes di mana pengusaha menggunakan tenaga buruh Orang Asli membersihkan kawasan-kawasan hutan simpan untuk projek-projek tertentu. Kawasan yang diarah untuk dibersihkan itu adalah dalam hutan-hutan simpan yang disayangi oleh Kerajaan Malaysia. Akibat daripada menjual tenaga buruh di kawasan-kawasan hutan simpan mereka ditahan dan didakwa di mahkamah. Pengusaha berkenaan menghilangkan diri. Mangsanya dari segi bayaran upah dan tindakan undang-undang adalah Orang Asli. Kes ini perlu diambil perhatian oleh Kementerian Sumber Manusia. Kes ini banyak kali berlaku di daerah Cameron Highlands di mana Orang Asli telah ditahan kerana dikatakan menceroboh hutan simpan secara sukarela. Yang sebenarnya ialah kerana peranan mereka mengambil upah dengan pengusaha-pengusaha tempatan.

Eksplotasi seterusnya ialah dari segi pengeluaran hasil-hasil hutan mereka. Terdapat kes-kes di mana barangan-barangan mereka di beli dengan harga yang paling murah dan dijual kembali dengan harga yang berpatutan tinggi iaitu bagi tujuan mengaut keuntungan peribadi. Unsur-unsur seperti ini bertembung sama sekali dengan kehendak kita meningkatkan taraf ekonomi masyarakat termiskin, menyatupadukan mereka dalam masyarakat nasional dan berhasrat mewujudkan masyarakat penyayang.

Jadi, itu adalah di antara kes-kes eksploitasi yang saya maksudkan yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku jika kita memandang kes ini sebagai kes ringan.

Contoh-contoh lainnya pula yang ada kait-mengait dengan kelembapan ekonomi Orang Asli ialah keadaan tanah ataupun peruntukan tanah untuk Orang Asli. Angka banci tanah yang saya perolehi sehingga 1hb Januari 1990 menunjukkan kawasan yang didiami oleh Orang Asli di seluruh Semenanjung ialah 123,792.75 hektar. Melalui usaha menempatkan setempat kumpulan minoriti ini, pihak Kerajaan berjaya merezabkan seluas 20,666.96 hektar. Kawasan yang telah dipohon oleh agensi-agensi Kerajaan yang diberi tanggungjawab terhadap Orang Asli untuk menempatkan Orang Asli di satu tempat ialah sejumlah 36,076.33 hektar. Yang belum mendapat apa-apa jawapan kepada permohonan daripada pihak tertentu ialah 67,019.46 hektar. Ini bererti hanya 20,666.96 hektar sahaja daripada 123,762.75 hektar yang didiami oleh Orang Asli agak terjamin dan layak dibangunkan.

Yang amat membimbangkan kita semua ada kawasan-kawasan yang didiami oleh Orang Asli sejak awal lagi dan tidak menunjukkan apa-apa unsur berpindah telah dipohon untuk dipertimbangkan supaya direzabkan pada tahun 1953, kini 1991 selama 38 tahun belum mendapat apa-apa jawapan daripada pihak berkenaan. Saya kurang faham apakah jenis proses yang mengambil masa begitu panjang sama ada untuk diluluskan ataupun di sebaliknya.

Saya amat percaya dan yakin bahawa Orang Asli adalah komuniti yang mengambilalih tamadun petani orang Melayu. Mereka tidak lagi menunjukkan budaya berpindah-randah. Sebaliknya mereka telah mengalami proses transformasi tinggal

kekal setempat menjalankan aktiviti-aktiviti bertani kekal. Anak-anak mereka telah belajar di sekolah-sekolah formal dan tidak ada apa hendak diragu mengenai dengan keinginan untuk maju ke hadapan kecuali jika kita salah tanggap bahawa mereka tidak layak diberi layanan, tidak layak diberi tanah kerana takut dijual, ditinggalkan dan lain-lain. Kita tidak mempunyai bukti yang kukuh terhadap perlakuan ini. Salah anggapan ini telah membantu Orang Asli lambat mencapai tingkat sosio-ekonomi sehingga mereka tertinggal jauh ke belakang.

Tanah kepada Orang Asli adalah berupa tempat tinggal, tempat perlindungan dan survival, dengan izin. Tanah yang tidak terjamin statusnya apa-apa perancangan sekalipun tidak akan dapat dilaksanakan jika pertimbangan wajar kita tidak berikan. Sejarah telah menetapkan Orang Asli dalam status sosio-ekonomi yang terendah pada hari ini dan saya amat berharap semasa perancangan RRJP2, sejarah ini tidak akan berulang. Saya juga berharap pihak berkuasa tanah tidak mengambil masa begitu lama untuk memberi maklum-balas terhadap permohonan tanah Orang Asli. Kepada mereka-mereka yang pakar tentang pembangunan sosio-ekonomi masyarakat tribal ini dapat tampil ke hadapan dengan pelan-pelan perancangan yang sesuai supaya hasilnya dapat ditonjolkan dan masyarakat ini dapat sama-sama menikmati hasil kemerdekaan negara.

Mengenai pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat seperti saya katakan tadi kawasan Orang Asli berselerak di merata tempat dan untuk mewujudkan pelan-pelan pembangunan yang sesuai, saya berpendapat tiga kategori pembangunan harus diambil kira. Pertama, pembangunan-pembangunan bagi kawasan-kawasan yang disebut "pedalaman" iaitu kawasan-kawasan di dalam hutan belantara. Kedua, bagi kawasan-

kawasan "di pinggir-pinggir bandar" dan sesuai disebut sebagai kawasan tradisional. Ketiga, kawasan-kawasan "di pesisiran pantai" Selat Melaka dan Laut China Selatan. Ketiga-tiga tempat ini keperluannya berbeza di antara satu dengan yang lain. Bagi mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman, kemudahan asas perkampungan dan perhubungan jalan raya adalah amat terhad. Malahan di setengah-setengah tempat tidak ada langsung. Keadaan ini amat rumit untuk dibawa masuk kemudahan modenisasi. Kita pula agak kurang berminat untuk meninjau kawasan-kawasan serupa ini. Di setengah-setengah tempat di mana kita telah berjaya menggalakkan mereka bertani dalam bentuk tanaman cash-crops, dengan izin, dusun dan getah tetapi hasilnya menjadi sia-sia kerana tidak dapat dibawa keluar bagi tujuan pasaran.

Kesan akibat dari lokasi perkampungan seperti ini pembangunan sukar dibawa masuk dan hasil kegiatan penduduk setempat sukar dibawa keluar. Ini bererti menghadkan kepelbagaian peningkatan ekonomi masyarakat kawasan pedalaman.

Bagi perancangan dalam RRJP2 ini saya menyarankan pelan-pelan pembangunan sosio-ekonomi yang pragmatik dapat disediakan bersesuaian dengan lokasi yang memerlukannya supaya elemen-elemen modenisasi dua-hala, program modernisasi boleh dibawa masuk dengan mudah dan hasil yang terdapat di dalamnya boleh dibawa keluar dengan senang bagi tujuan meningkat ekonomi masyarakat yang berada di kawasan tersebut.

Bagi kampung-kampung tradisional di pinggir-pinggir bandar, mempunyai masalah yang berbeza. Masalah yang sering dihadapi ialah masalah tanah ataupun kawasan mereka masih banyak yang belum diberi hak menduduk secara legal. Perluasan pengwujudan

projek lain di sekitarnya sering terlibat dengan kawasan mereka, akibatnya mereka sering diarah berpindah keluar ke tempat lain. Ini dapat diibaratkan seperti, "batu bergolek tidak mengumpulkan lumut", maksud saya apabila kawasan tersebut mula dirancangkan kemudahan asas dan pembangunannya, seperti rumah-rumah kediaman untuk Orang-orang Asli, benih-benih dusun juga untuk Orang Asli mula ditanam dan dibekalkan, hanya menunggu hasil dipungut tetapi perkara kawasan tidak diberi status legal atau status tertentu sebagai kawasan atau hak mereka, perancangan lain pula masuk, ia akan menjadi bertindih. Orang Asli dalam keadaan ini adalah ibarat timun dengan durian. Timun digolek durian, timun juga yang luka; kalau durian menggolek timun, timun juga yang luka.

Dalam keadaan ini maknanya sama ada Orang Asli itu telah menetap lama di kawasan yang sama tetapi apabila pressure ataupun tekanan pembangunan baru datang ke kawasan itu mereka terpaksa keluar. Kalau dia baru datang ke situ pun keadaannya sedemikian juga. Orang Asli amat merungut kepada kes serupa ini, akibatnya unsur-unsur perkauman mula menular. Hakikat itu saya berharap tanah-tanah untuk Orang Asli disegerakan proses memberi statusnya supaya kes serupa ini tidak berulang lagi.

Perancangan RRJP2 ini digaris begitu rapi berkemampuan mengatasi masalah-masalah serupa ini. Bagi mereka yang tinggal di kawasan pesisiran pantai, mereka ini adalah, dengan izin, part-time nelayan dan part-time petani. Pelan pembangunan masyarakat Orang Asli pesisiran pantai adalah berbeza daripada kedua-dua kawasan tadi. Usaha harus ditumpukan kepada meningkatkan hasil tangkapan daripada laut dan produktiviti pertanian. Kawasan-kawasan serupa ini juga perlu digalakkan pertumbuhan ekonomi bentuk lain termasuk

memperindahkan kawasan pantai sambil menggunakan kebudayaan mereka—"mereka" di sini saya maksudkan Orang Asli-sebagai tarikan pelancong di samping merancang bentuk-bentuk pendapatan daripada sumber-sumber lain.

Program RRJP2 yang menumpu penuh kepada kesejahteraan masyarakat Malaysia dilihat amat sesuai meningkatkan penghidupan masyarakat Orang Asli di pantai-pantai. Orang Asli, lantaran daripada kedaifan, mereka menjadi kepentingan negara. Masalah mereka sentiasa diambil perhatian. Ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini iaitu pada 24-7-91 dalam Dewan yang mulia ini menyebut tentang perhatian Kerajaan terhadap usaha meningkatkan sosio ekonomi masyarakat ini.

Walaupun mereka daif, kepada saya kepujian harus diberi kepada beberapa perkara terhadap masyarakat ini. Beberapa kes yang kita dengar dan dapat tahu seperti penderaan kanak-kanak, pengemis, perompak, penyamun berlaku di sana-sini tetapi kes ini belum kedapatan pada masyarakat Orang Asli. Mereka memiliki sifat penyayang semula jadi, hormat menghormati, lantaran itu mereka tidak sanggup mendera kanak-kanak, menyusah orang lain seperti meminta sedekah di tepi-tepi jalan ataupun merompak menyamun. Konsep kita mewujudkan masyarakat penyayang akan senang diterapkan di kalangan Orang Asli kerana sifat-sifat itu sudah sedia ada.

Saya penuh yakin masyarakat ini dapat dipertingkatkan sosio-ekonominya melalui strategi-strategi bersesuaian dan pendekatan-pendekatan pembangunan sosio-ekonomi yang pragmatis. Masyarakat ini kini telah mengalami proses transformasi budaya daripada

tradisional menuju ke arah moden. Mereka tidak lagi leka merayau-rayau dalam hutan dan memburu. Ramai daripada mereka telah menetap setempat menjalankan penghidupan seperti komuniti lain walaupun masih di paras tahap kemiskinan.

Dengan strategi perancangan yang positif, peluang serta tumpuan yang lebih, disusuli pula dengan peruntukan kewangan yang mencukupi melalui RRJP2 ini, Orang Asli juga akan dapat dimajukan seperti kawan-kawan mereka yang di luar.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul RRJP2 1991-2000. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Menurut senarai yang ada pada saya ini, sepatutnya Puan Kalthom Haji Othman akan berucap. Kalau tidak ada.....

Seorang Ahli: Dia di luar.

Tuan Adam bin Kadir: Di luar tidak bolehlah. Kalau dia dengar, dia masuk sekarang, boleh jugalah. Kalau tiada, saya menjemput Tuan Neo Tuan Cheng.

4.55 ptg.

Tuan Neo Tuan Cheng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kerana diberikan kesempatan ini untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain membahaskan usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua bagi tahun 1991-2000 pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu masyarakat berbilang kaum seperti yang terdapat di Malaysia, kewujudan ketidakseimbangan sosio-ekonomi mengikut kaum memang tidak mungkin membolehkan perpaduan ataupun kestabilan negara dicapai. Pelancaran Rangka Rancangan Jangka Panjang

Pertama dan Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1970 dan pelaksanaannya sehingga tahun 1990 telah mengurangkan kadar kemiskinan daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada 17.1% dalam tahun 1990 dan hakmilik modal saham dalam sektor korporat bagi Melayu dan Bumiputera telah ditingkatkan daripada 2.4% dalam tahun 1970 kepada 20.3% pada tahun 1990. Pencapaian ini dapat kita perolehi dalam keadaan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dan dalam suasana negara yang aman dan damai.

Kejayaan yang amat besar ini patut semua rakyat Malaysia membanggakan. Kejayaan besar yang diperolehi ini adalah disebabkan negara kita mempunyai satu Kerajaan yang bertanggungjawab dan yang mengambil berat tentang nasib dan kebajikan rakyat. Disebabkan Kerajaan kita dikuasai oleh sebuah parti iaitu Parti Perikatan pada dahulunya dan Parti Barisan Nasional sekarang ini secara berterusan, maka segala rancangan jangka panjang atau rancangan jangka pendek telah dapat dilaksanakan secara tidak putus-putus dan sama pentingnya disebabkan oleh sikap toleransi, sikap tolak ansur dan sikap kerjasama rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum yang mempunyai berbilang kebudayaan dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pencapaian dan kemajuan yang diperolehi di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama dan Dasar Ekonomi Baru sebagai landasan, Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir yang berjiwa rakyat dan mempunyai visi yang jauh telah membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Nasional bagi tahun 1991-2000. Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua seperti dalam seruan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir memerlukan semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat

bekerja dengan lebih gigit dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersama-sama bersatu-padu dalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, yang progresif dan yang berdaya tahan. Kita semua rakyat Malaysia patutlah memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita membangunkan sektor perindustrian dan apabila kita berusaha menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara kita patutlah kita, memberikan tapisan yang lebih rapi. Kita patut memastikan kilang-kilang yang akan mendatangkan pemindahan teknologi yang baru diberikan keutamaan dan pastikan kilang-kilang yang telah ditolak oleh negara-negara lain, kilang-kilang yang akan mendatangkan pencemaran, merosakkan alam sekitar dan ekologi-ekologi negara itu ditolak juga di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Johor seperti Kuala Lumpur, negeri Selangor dan negeri-negeri yang lain sedang mengalami pembangunan yang pesat dalam bidang perindustrian.....

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat boleh tunggu sekejap, 20 saat sahaja.

Tuan Neo Tuan Cheng: Ya.

Tuan Adam bin Kadir: Menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya menjemput Puan Aion Ariffin mempengerusikan Mesyuarat. Boleh sambung selepas ini, teruskan.

(Puan Aion binti Ariffin
mempengerusikan Mesyuarat)

Puan Aion binti Ariffin: Ahli Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Neo Tuan Cheng: Puan Yang di-Pertua, negeri Johor seperti Kuala Lumpur dan negeri Selangor dan negeri-negeri lain sedang mengalami pembangunan yang pesat dalam bidang perindustrian dan pelancongan. Tambak yang sedia ada di antara Singapura dan Johor Bahru dan juga jalan-jalan raya di pusat bandar Johor Bahru telah tidak dapat menampung lagi kenderaan-kenderaan setempat dan kenderaan-kenderaan yang banyak, yang datang dari Singapura ke Johor Bahru atau ke Semenanjung melalui Johor Bahru pada setiap hari.

Jalan-jalan raya di pusat bandar Johor Bahru telah menjadi satu bottle neck dan masalah kesesakan lalulintas di pusat bandar dan di taman-taman perumahan, di sekeliling bandar Johor Bahru adalah masalah bagi pengguna-pengguna jalan raya setiap hari.

Puan Yang di-Pertua, Johor Bahru dengan kedudukannya yang strategik merupakan pintu masuk ke Semenanjung Malaysia di bahagian selatan, patutlah diberikan perhatian yang sepenuhnya dan langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah lalulintas diambil dengan kadar segera sebelum ia bertambah buruk dan supaya kegiatan ekonomi dan pembangunan ekonomi dapat dijalankan dengan licin, dan supaya usaha untuk menarik pelancong-pelancong Singapura dan pelancong-pelancong asing yang datang melalui Singapura ke Johor Bahru dan Semenanjung itu tidak terjejas.

Untuk menyelesaikan kesesakan lalulintas di Tambak Johor Bahru-Singapura dan di pusat bandar Johor Bahru, laluan yang kedua di antara Singapura dengan Johor Bahru mesti dibinakan. Ini telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Johor kepada Kerajaan Pusat. Laluan yang kedua ini akan mengagihkan sebahagian besar kenderaan-kenderaan supaya tidak

semuanya bertumpu ke pusat bandar Johor Bahru. Harap projek pembinaannya dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Pelaksananya sudah tentu akan membawa pembangunan kepada sektor perindustrian dan sektor pelancongan kepada satu tahap yang lebih tinggi kepada negeri Johor khususnya dan kepada negara pada keseluruhannya.

Puan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini Lapangan Terbang Senai, di Johor patutlah dinaikkan tarafnya supaya penerbangan-penerbangan antarabangsa boleh terus mendarat di Senai. Sehubungan dengan pembinaan laluan yang kedua di antara Singapura dan Johor, satu lagi pelabuhan patutlah dibina di Johor untuk mengurangkan kesesakan di Pasir Gudang dan untuk menggalakkan eksport hasil-hasil pertanian dan barangan-barangan buatan Malaysia.

Puan Yang di-Pertua, Bahasa Melayu telah dijadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Malaysia semenjak negara kita mencapai kemerdekaannya pada 34 tahun dahulu. Dalam masa 34 tahun yang lepas Bahasa Malaysia telah mengalami perkembangan yang pesat dan sehingga sekarang ini kita telah bercita-cita menjadikan Bahasa Malaysia suatu bahasa antarabangsa. Ini adalah satu kebanggaan kepada semua rakyat Malaysia.

Kedudukan Bahasa Malaysia adalah kukuh, kekal dan terjamin di bawah Perlembagaan dan kedudukannya yang istimewa tidak boleh disoal. Sementara itu, semua rakyat Malaysia boleh mempelajari bahasa ibunda mereka secara bebas. Kedudukan bahasa ibunda bagi setiap kaum itu juga terjamin di bawah Perlembagaan. Sekolah-sekolah bahasa Tionghua kebanyakannya dibina pada masa penjajahan British, iaitu lebih daripada 40 tahun dahulu.

Pada masa penjajahan British, sekolah-sekolah Tionghua semuanya dibina oleh masyarakat Tionghua dengan sumbangan daripada semua lapisan masyarakat Tionghua. Kebanyakan bangunan-bangunan ini adalah bangunan papan kayu, akan tetapi sehingga sekarang ini kebanyakan bangunan-bangunan ini telah pun uzur dan perlu dibina semula.

Puan Yang di-Pertua, pada masa penjajahan apabila masyarakat Tionghua menderma untuk pembinaan sekolah-sekolah, mereka menderma dengan semangat patriotik dan secara bermurah hati, tiada apa-apa rungutan yang dibuat oleh sesiapa pun. Tetapi sesudah 34 tahun negara kita merdeka, masyarakat Tionghua masih dibebankan oleh derma-derma untuk sekolah-sekolah Tionghua di negara kita sendiri.

Masyarakat Tionghua sebahagian besarnya terdiri daripada mereka yang dilahirkan selepas tahun 1957, tahun negara kita mencapai kemerdekaan. Mereka tidak lagi menderma dengan semangat yang sama seperti bapa-bapa mereka dahulu. Mereka tetap menderma kerana mereka tidak boleh tidak menderma untuk pendidikan bahasa ibunda mereka sendiri, tetapi mereka menderma di bawah bantahan, menderma dan masuk akaun MCA.

Ini adalah satu di antara sebab-sebab calon MCA mendapat hanya lebih kurang 30% sokongan pengundi orang Tionghua di mana mereka bertanding.

Mengikut kebanyakan keadaan, orang-orang Tionghua bukannya tidak suka kepada MCA, tetapi mereka mahu menunjukkan rasa tidak puas hati mereka kepada Kerajaan.

Saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya memberi bantuan yang penuh kepada sekolah-sekolah Tionghua dan juga termasuk sekolah-sekolah Tamil supaya masyarakat Tionghua dan India dapat menikmati

hak asasi mereka yang terjamin di bawah Perlembagaan dan supaya perkara ini tidak lagi diperalat-alatkan dan dipermain-mainkan oleh parti-parti Pembangkang.

Puan Yang di-Pertua, pada masa negara kita melaksanakan RRJP2 dan Dasar Pembangunan Nasional dan seterusnya menuju ke arah Wawasan 2020, kita memerlukan penglibatan dan penyertaan semua lapisan masyarakat. Kita perlu memajukan sumber manusia dan mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin, produktif serta meningkatkan kemahiran yang perlu bagi menghadapi cabaran pembangunan dalam masyarakat perindustrian.

Maka perlulah Kerajaan menjalani lebih latihan vokasional dan teknikal yang sistematik bagi menjadikan pemuda-pemudi kita tenaga yang mahir atau separuh mahir yang banyak diperlukan di dalam pembangunan perindustrian. Di sini patutlah kita memberi pertimbangan kepada mereka bukan sahaja daripada sekolah-sekolah Kerajaan, bahkan mereka daripada institusi-institusi swasta dan sekolah-sekolah menengah bebas Tionghua. Penyertaan semua mereka ini akan membantu negara kita memandu ke arah perpaduan dan kemakmuran dan juga untuk memastikan setiap tenaga itu diberikan kesempatan untuk memberi sumbangannya kepada negara.

Puan Yang di-Pertua, pada masa kita memajukan sumber tenaga yang berkualiti, kita perlu juga mewujudkan satu sistem gaji yang fleksibel. Sistem gaji yang fleksibel adalah dengan tujuan meningkatkan kualiti tenaga dan produktiviti-sistem yang menitik-beratkan gaji seimbang dengan produktiviti. Adalah dengan harapan bahawa apabila kita mempunyai sistem-sistem gaji yang sihat bagi pekerja-pekerja sama ada Kerajaan ataupun swasta, rakyat dari semua lapisan akan bekerja dengan lebih gih

dan bersedia menghadapi segala cabaran-cabaran untuk membangunkan negara dan untuk mencapai matlamat-matlamat Wawasan 2020.

Puan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Terima kasih.

Puan Ainon binti Ariffin: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut senarai yang ada pada saya, seorang Ahli Yang Berhormat ada membuat permohonan untuk bercakap. Adakah Yang Berhormat itu di Dewan pada ketika ini, iaitu Yang Berhormat Puan Kalthom? Sekiranya tiada, dan kalau sekiranya tiada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap dalam Usul yang dibentangkan, saya akan menjemput pihak Menteri-menteri yang berkaitan supaya memberikan jawapan.

Sekarang kita jemput Menteri menjawab segala perbahasan Usul ini, iaitu Yang Berhormat Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri Kehakiman Malaysia bagi pihak Perdana Menteri.

5.14 ptg.

Menteri di-Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih, Puan Yang di-Pertua.

Puan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba, Timbalan Perdana Menteri, semasa membentangkan Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000 hari Rabu lalu di Dewan ini telah memberikan ciri-ciri penting di dalam RRJP2 dan juga dasar baru bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru, iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Antara ciri-ciri terpenting DPN adalah hakikat

bahawa DPN bukan sahaja meneruskan strategi serampang dua mata DEB: (a) membasmi kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum; dan (b) menyusun semula masyarakat Malaysia supaya dihapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi dan kegiatan ekonomi, tetapi juga DPN akan mengubah cara dan strategi pelaksanaannya supaya kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan dan kekurangan DEB dapat kita atasi. Melalui dimensi-dimensi baru DPN juga akan dapat dipastikan pelaksanaannya lebih berkesan lagi. Dimensi-dimensi ini mengambil kira isu dan perkembangan-perkembangan baru yang dihadapi oleh negara akhir-akhir ini.

Puan Yang di-Pertua, pengalaman 20 tahun semasa melaksanakan DEB telah membuktikan bahawa kemiskinan mutlak di kalangan rakyat Malaysia boleh diatasi melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pengagihan yang saksama. Melalui pertumbuhan peluang-peluang yang lebih telah dapat diadakan seperti pekerjaan dalam sektor-sektor moden seperti pembuatan dan perkhidmatan dan pertanian. Punca-punca pendapatan yang lebih meluas dan berbagai juga telah dapat diadakan. Kesemua ini telah membolehkan pendapatan rakyat untuk meningkat lagi. Dengan peningkatan pendapatan dan peluasan kemudahan-kemudahan sosial, ekonomi dan fizikal pula kualiti dan taraf rakyat telah menjadi bertambah baik lagi. Justeru itu, kemiskinan mutlak tidak lagi merupakan satu masalah negara.

Puan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan yang akan menjadi ketara di masa hadapan adalah apa yang kami anggap sebagai kemiskinan relatif di kalangan dan di dalam lapisan penduduk di dalam sesebuah kaum itu. Ini adalah sebenarnya perbezaan mutu atau kualiti hidup dan perbezaan kemudahan-kemudahan yang diperolehi. Kemiskinan relatif tidak akan

dapat diselesaikan melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat semata-mata. Dengan itu, Kerajaan perlu campurtangan untuk membaiki kemudahan-kemudahan hidup untuk rakyat supaya manfaat pembangunan sama-sama dapat dirasai oleh semua golongan rakyat dan kaum.

Maka dengan itulah Kerajaan melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan DPN akan terus meningkatkan kemudahan-kemudahan yang membolehkan rakyat terus mendapat manfaat yang saksama daripada pertumbuhan seperti kemudahan infrastruktur, pendidikan, kesihatan dan lain-lain perkhidmatan penting Kerajaan supaya golongan rakyat yang berpendapatan rendah mendapat kemudahan yang setanding dengan yang berpendapatan lebih tinggi lagi. Namun begitu, Kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih kepada usaha membasmi kemiskinan di kalangan golongan termiskin walaupun bilangannya adalah kecil. Ini adalah kerana dalam kemakmuran tidaklah wajar wujud golongan-golongan yang daif. Dengan itu, program yang menepati sasaran akan dilaksanakan.

Puan Yang di-Pertua, DEB kurang berjaya dalam meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang-bidang ekonomi moden sama ada sebagai pengusaha ataupun peniaga, mahupun sebagai pekerja peringkat tinggi seperti dalam jawatan-jawatan profesional, pengurusan, penyeliaan dan pekerja-pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor yang pesat berkembang seperti pembuatan dan perkhidmatan. Kejayaan yang memuaskan dari segi pemilikan saham, dari segi kuantitatif sahaja telah dicapai di bawah DEB. Buat masa ini, Kerajaan masih meragui keupayaan bumiputera mengekalkan pemilikan mereka, apatah lagi memperbanyakkan supaya objektif pemilikan saham berjaya mengekalkan hak bumiputera dalam sektor korporat.

Puan Yang di-Pertua, sepanjang 20 tahun Kerajaan melaksanakan strategi mewujudkan segolongan pengusaha dan peniaga bumiputera dalam konteks memajukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, kejayaan yang dicapai tidak sebanyak mana. Walaupun terdapat segolongan kecil usahawan bumiputera, tetapi hanya segelintir sahaja yang benar-benar mampu berdikari tanpa sokongan Kerajaan secara berterusan. Dengan itu, DPN akan memainkan peranan untuk mempertingkatkan usaha Kerajaan bukan sahaja untuk membesarkan golongan MPPB, tetapi juga membantu mereka untuk mempelbagaikan aktiviti mereka dan menerokai bidang-bidang baru dan memperluaskan kegiatan-kegiatan mereka dalam sektor-sektor yang pesat membangun.

Menjelang tahun 2020, corak ekonomi Malaysia akan berubah bukan sahaja sektor-sektor moden akan berkembang dalam kecanggihan teknologi moden bersaing dalam pasaran antarabangsa, tetapi keupayaan usahawan Malaysia bertanding memerlukan usahawan yang mempunyai dayatahan dan dayacipta yang lebih kukuh daripada sekarang. Sekiranya MPPB ingin berjaya, kebolehan dan keupayaan bersaing dan bertanding amat perlu sekali.

Puan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara di masa hadapan akan semakin bergantung kepada satu tranformasi ekonomi yang bergantung kepada sektor swasta yang dinamis. Dari segi struktur pula akan meluaskan kegiatan sektor swasta dalam bentuk syarikat-syarikat korporat besar-besaran. Akan berkuranglah pula syarikat-syarikat milik keluarga sebagaimana sekarang ini. Pertandingan di dalam sistem ekonomi moden berikutan dengan kecanggihan

ilmu dan teknologi dan juga kesejagatan perdagangan dunia memerlukan syarikat-syarikat besar dan pelbagai.

Dengan itu struktur swasta sendiri akan berubah corak dengan pertumbuhan pesat di bidang sektor korporat. Dengan pengurangan penglibatan sektor awam dalam kegiatan ekonomi secara langsung pula, usaha-usaha penyusunan semula masyarakat dari segi pemilikan saham, gunatenaga dan penguasaan syarikat-syarikat akan lebih bergantung kepada penglibatan dan sokongan sektor swasta itu sendiri.

Justeru itulah satu dimensi penting DPN adalah meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam strategi pembangunan semula masyarakat.

Puan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari bahawa pembangunan sumber manusia adalah satu-satunya program yang telah membolehkan kemiskinan dapat dikurangkan dengan pesatnya sepanjang 20 tahun di bawah DEB. Ia juga telah membolehkan golongan miskin keluar daripada cengkaman atau belunggu kemiskinan dan telah membolehkan agihan pendapatan yang lebih baik lagi. Pembangunan sumber manusia juga telah menyumbang ke arah pencapaian matlamat penyusunan semula gunatenaga sama ada dalam sektor awam mahupun dalam sektor swasta di samping membantu mewujudkan sebilangan bumiputera yang berjaya dalam keusahawanan. DPN akan menumpukan perhatian yang lebih kepada pembangunan sumber manusia bagi membolehkan matlamat penyusunan semula dicapai lebih pesat lagi di samping mempercepatkan proses pembangunan ekonomi yang memerlukan lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi terutama dalam sektor pembuatan dan sektor-sektor perkhidmatan bukan Kerajaan.

Puan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini telah menyatakan bahawa DEB kurang berjaya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan RRJP2 dan DPN di Dewan Rakyat telah menyatakan, walaupun terdapat beberapa kekurangan DEB adalah satu usaha socio economic engineering untuk memastikan semua rakyat tanpa mengira kaum terutamanya kaum bumiputera yang jauh ketinggalan dapat manfaat dari usaha pembangunan negara. Kejayaan kita adalah unik dan telah menjadi model untuk ditiru oleh beberapa negara membangun lainnya, malahan beberapa negara bercorak pemerintahan pusat, dengan izin, centrally planned economy, telah mencuba berbagai cara untuk memesatkan pertumbuhan ekonomi masing-masing sambil memastikan agihan yang saksama tetapi mereka telah gagal dan tidak berjaya melakukannya.

Puan Yang di-Pertua, apa yang nyata ialah ekonomi negara-negara tersebut telah terjejas dan telah juga menimbulkan keadaan huru-hara sedangkan di negara kita, bukan sahaja kita telah berjaya mencapai kadar pertumbuhan yang pesat iaitu sebanyak 6.7% setahun dalam nilai sebenar sepanjang tempoh DEB, tetapi juga kita telah dapat mengurangkan dengan banyaknya kemiskinan dan memperbaiki agihan pendapatan dan pekerjaan serta juga mengubah corak ekonomi kita daripada bercorak pertanian kepada bercorak ekonomi perindustrian. Ini adalah kejayaan yang kita semua sebagai rakyat Malaysia, yang cintakan negara patut berasa bangga.

Puan Yang di-Pertua, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha memajukan ekonomi negara dalam tempoh RRJP2. Adalah dijangka kadar pertumbuhan sepanjang RRJP2 melebihi apa yang

telah dicapai dalam DEB iaitu 7% setahun dalam nilai sebenar. Golongan termiskin akan dapat dikurangkan lagi ke tahap yang paling minimum dengan program-program khusus. Agihan pendapatan dan pendapatan purata isi-rumah akan meningkat lebih banyak. Kemiskinan relatif akan dapat dikurangkan apabila golongan berpendapatan rendah dibekalkan dengan pendidikan yang lebih baik dan bermutu dan latihan kemahiran dapat dipertingkatkan lagi.

Adalah dijangkakan lebih ramai bumiputera berjawatan profesional, pengurus dan eksekutif dan juga dalam jawatan-jawatan berkemahiran tinggi dapat diwujudkan. Dengan beberapa perubahan dan penyelesaian kepada latihan dan Program Pembangunan Keusahawanan yang lebih meluas dan berkualiti dijangkakan bilangan pengusaha dan peniaga bumiputera dalam konteks pembangunan MPPB akan dapat diperbanyakkan lagi.

Puan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Dewan ini telah membangkitkan isu pembangunan wanita yang jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lelaki. Sebenarnya, wanita di negara kita telah jauh maju ke hadapan jika kita bandingkan dengan wanita di negara-negara lain termasuk di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat atau Jepun sekalipun. Wanita-wanita di negara-negara tersebut belum lagi dapat menikmati persamaan gaji walaupun mereka menjalankan tugas-tugas yang sama. Masih wujud diskriminasi dari segi pekerjaan di sana. Ada jawatan-jawatan yang tidak boleh diceburi oleh wanita walaupun mereka berkelayakan. Di negara kita wanita boleh menjawat sebarang jawatan, asalkan mereka mempunyai kelayakan. Mereka juga menerima gaji yang sama walaupun mereka mendapat cuti yang lebih daripada lelaki seperti cuti bersalin.

Puan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mengamalkan dasar diskriminasi atas sebab jantina sebagaimana yang diamalkan oleh negara-negara maju sendiri. Kurangnya wanita melibatkan diri adalah atas sebab-sebab lain seperti kurang kecenderungan wanita mengikuti kursus latihan atau bidang-bidang profesional dan teknikal selain dari perguruan. Wanita juga mempunyai tanggungjawab yang lebih setelah berumahtangga dan ini memungkinkan mereka kurang rela meneruskan khidmat atau tidak memasuki bidang-bidang tertentu yang menjejaskan peranan mereka sebagai surirumah dan ibu. Namun begitu, Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam (RM6) 1991-1995 telah memberi pertimbangan yang khusus kepada pembangunan wanita melalui Bab Wanita Dalam Pembangunan untuk mendorong wanita lebih cergas dalam pembangunan dan juga membuktikan kesungguhan Kerajaan memberi pertimbangan yang sama dengan kaum lelaki.

Puan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang pembangunan sumber manusia. Satu aspek yang perlu Kerajaan memberi penekanan yang lebih, di dalam RRJP2 dan juga DPN Kerajaan menyedari hakikat ini dan telah menjadikannya sebagaimana yang saya sebutkan sebentar tadi, satu daripada dimensi yang terpenting di dalam DPN. Pembangunan sumber manusia memang penting bukan sahaja untuk pertumbuhan ekonomi yang pesat tetapi juga untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kedua-dua peranan pembangunan sumber manusia ini diberi penekanan oleh Kerajaan dalam RRJP2 dan DPN. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini meneliti teras pembangunan dekad 90an, satu daripada teras yang utama adalah pembangunan sumber manusia yang berorientasikan sains dan teknologi kerana pembangunan sektor-sektor

seperti pembuatan dan perkhidmatan memerlukan tenaga kerja mahir dan produktif serta nilai dan sikap yang progresif.

Puan Yang di-Pertua, dalam usaha ini Kerajaan akan memerlukan sumbangan yang lebih secara langsung oleh sektor swasta untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir yang lebih banyak bagi menampung keperluan mereka sendiri semasa mereka pesat berkembang. Ini akan juga mengurangkan beban Kerajaan di samping mengeluarkan tenaga kerja yang menepati kehendak pasaran dan keperluan mereka sendiri. Kerajaan akan juga meningkatkan pengeluaran tenaga kerja berkemahiran umum melalui sistem pendidikan dan latihan sedia ada yang akan diubahsuai dan diperbaiki kandungan pelajarannya mengikut keperluan dan keadaan semasa. Huraian lanjut perspektif ini ada di dalam dokumen Rancangan Malaysia Yang Keenam yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini dalam dua tiga hari lagi.

Puan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari bahawa terdapat juga golongan bumiputera yang miskin sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Mereka juga memerlukan bantuan. Begitu juga dengan golongan minoriti seperti Orang Asli, suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak dan juga kaum India. Mereka juga perlu diberi perhatian supaya mereka mendapat manfaat dari dasar ekonomi sebagaimana kaum Cina dan bangsa Melayu telah dapat faedah selama ini. Dengan sebab itulah Kerajaan telah menyatakan dalam dokumen RRJP2 bahawa kepentingan golongan minoriti akan diberi perhatian supaya sama-sama dapat menikmati faedah daripada pelaksanaan DPN dan program pembangunan Kerajaan. Ini termasuklah membekalkan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada ladang-ladang dan juga kampung-kampung yang dahulunya dikenal

sebagai kampung-kampung baru. Selain dari itu, kanak-kanak miskin dari kaum bukan bumiputera juga akan diberi peluang memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh Kerajaan.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil peluang di sini untuk memberikan beberapa jawapan khusus di atas persoalan-persoalan yang dibawa oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengenai soal pendidikan dan soal di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon supaya sistem pendidikan dikaji semula bagi memupuk perasaan kasih sayang di kalangan murid, guru dan masyarakat, sebenarnya kedua-dua program KBSR dan KBSM digubal berasaskan kepada falsafah pendidikan negara dan menekankan pembangunan potensi individu secara menyeluruh seimbang dan sepadu. Pendekatan yang digunakan ialah pendekatan yang bercorak sepadu dengan menekankan kepada prinsip Ketuhanan, nilai-nilai murni, perkembangan daya berfikir, budaya ilmu, semangat bertanggunjawab, setia kepada negara dan semangat perpaduan.

Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kurikulum pendidikan dengan segala perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam semua lapangan untuk memenuhi keperluan masyarakat masa kini dan masa depan, baik dalam aspek sosial, ekonomi dan politik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai penekanan kepada kelulusan "kertas" dan tidak kepada kemahiran, adalah dimaklumkan bahawa peperiksaan dan penilaian kini merupakan satu sistem pengukuran yang sah bukan sahaja di

Malaysia bahkan di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, beberapa strategi dibuat untuk memperbanyakkan lagi latihan kemahiran dan keusahawanan secara competency based.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu peluang kemasukan anak-anak bukan bumiputera ke sekolah berasrama penuh, sebagaimana saya mengatakan tadi, peluang untuk memasuki sekolah berasrama penuh akan juga dikaji bagi keperluan mereka yang miskin dari semua kaum.

Berhubung dengan konsep universiti terbuka yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan K. Munisamy, sebenarnya Kerajaan telahpun melaksanakan beberapa konsep universiti terbuka seperti sistem pengajaran jarak jauh yang dijalankan di Universiti Sains Malaysia melalui Pusat Pengajian Luar Kampus.

Berhubung dengan kerjasama antara pihak institusi pengajian tinggi (IPP) dan swasta, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua IPP tempatan mempunyai lembaga pengajian yang berfungsi mengkaji serta menyemak kurikulum pengajian di IPP. Ahli-ahli Lembaga berkenaan terdiri daripada ahli-ahli akademik yang pakar dalam bidang masing-masing dan juga pakar dalam bidang tertentu daripada sektor swasta dan industri yang dilibatkan untuk penyelarasan kurikulum IPP supaya dapat melahirkan tenaga mahir sesuai dengan matlamat keperluan negara.

Menyentuh tentang saranan Yang Berhormat Puan Habidah Jusoh supaya Kementerian Pendidikan memikirkan satu pendidikan bersepadu yang membolehkan pelajar bumiputera berkemahiran setanding dengan kaum-kaum lain, adalah dimaklumkan pendidikan bersepadu sememangnya telah disediakan untuk mendapatkan kemahiran dalam berbagai bidang.

Menyentuh tentang masalah SRJK (Tamil) yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan, sebenarnya Kerajaan tidak berhasrat untuk menutup SRJK (Tamil), kecuali ada permohonan untuk berbuat demikian.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah supaya lebih banyak sekolah teknik dan vokasional dibina bagi menambahkan bilangan tenaga mahir dan terlatih, sukacita dimaklumkan Kerajaan bercadang membina 8 buah sekolah menengah vokasional, memperkenalkan aliran vokasional di beberapa buah sekolah menengah akademik biasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin telah menyentuh isu cadangan Yang Berhormat dari Segamat untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi. Isu untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi adalah tidak timbul kerana Bahasa Kebangsaan, bahasa Melayu telahpun termaktub dalam Perlembagaan sebagai bahasa rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu berkenaan isu-isu yang berhubungkait dengan Kementerian Pendidikan. Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan isu-isu yang dibawa di atas tajuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin merayu rancangan mewujudkan sebagai strategi penting untuk pembangunan bumiputera berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, rancangan mewujudkan BCIC merangkumi pelbagai program pembangunan bertujuan utama bagi menyediakan suasana yang sesuai dan

menarik kepada dua komponen penting iaitu usahawan bumiputera yang berani mengambil risiko, keduanya enterprise bumiputera yang berdaya maju. Dalam hubungan ini, Kementerian ini telah menyediakan program-program berikut:

- (1) Program pemasaran bersepadu di bawah konsep payung yang akan diuruskan oleh syarikat-syarikat Guthrie Furniture Sdn. Bhd. dan Besta Distributor Sdn. Bhd. Di bawah program ini, sebanyak 135 buah syarikat pengilang kecil dan sederhana bumiputera telah dapat dimajukan.
- (2) Aktiviti sub-contracting, skim pembekalan komponen kereta Proton. Di bawah skim ini sebanyak 13 buah syarikat pengilang bumiputera telah dimajukan.
- (3) Aktiviti pusat rujukan teknologi. Aktiviti ini menyediakan maklumat mengenai berbagai jenis dan peringkat teknologi pemerosesan yang boleh dirujuk dan digunakan oleh usahawan kecil khususnya bumiputera.
- (4) Aktiviti perundingan industri oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara. Aktiviti ini boleh membantu usahawan meningkatkan kecekapan pengurusan projek dan meningkatkan produktiviti pekerja melalui penggunaan sistem pengurusan yang cekap dan baik.
- (5) Program penyediaan tapak kilang. Di bawah program ini, tapak kilang khas akan disediakan di Kampung Batu, Batu Caves melibatkan kawasan seluas 50 ekar.

- (6) Kemudahan pinjaman mudah bagi projek makanan dan perabot. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan sebanyak \$50 juta disediakan.

Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail, beliau meminta supaya tidak lagi kilang-kilang haram di seluruh negara terutama di kawasan perumahan. Kedua, beliau juga meminta diwujudkan peraturan dan sistem kawalan ke atas kilang-kilang yang mengeluarkan sisa-sisa toksid dan cara pembuangan sisa-sisa ini. Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat, bagi projek-projek pengilangan yang baru, Kementerian ini dengan kerjasama pihak berkuasa Negeri dan Tempatan akan memastikan semua aktiviti pengilangan ditempatkan di kawasan-kawasan yang sesuai. Lebih banyak program untuk perindustrian termasuk untuk projek-projek industri kecil dan sederhana akan disediakan. Bagi projek-projek kilang haram yang sedia wujud, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri dan Tempatan untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menempatkan semula ke kawasan-kawasan perindustrian. Bagaimanapun, Kementerian ini akan mengeluarkan satu peraturan untuk mendaftarkan semua aktiviti pengilangan tanpa mengira saiz projek.

Berhubung dengan kawalan terhadap pembuangan sisa-sisa kilang khususnya dari jenis toksid, peraturan-peraturan dan sistem kawalan terhadapnya telah wujud dan sedang dikuatkuasakan oleh Jabatan Kawalan Alam Sekitar. Kementerian ini, di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, apabila mengeluarkan lesen pengilang telah mensyaratkan supaya pengilang-pengilang hendaklah melaksanakan projeknya mengikut syarat-syarat yang ditetapkan bagi projek berkenaan dan undang-undang serta peraturan-peraturan lain yang termaktub di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi Dato Haji Ishak, meminta Kerajaan memberikan insentif kepada syarikat-syarikat dan kilang-kilang yang menganjurkan latihan untuk pekerja-pekerjanya. Kedua, meminta Kerajaan mengadakan promosi berbentuk iklan bagi barangan Malaysia untuk memajukan pasaran tempatan.

Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong meminta industri dibangunkan di daerah Jempol yang dikatakan mempunyai seramai 80,000 orang penduduk. Berhubung dengan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Mohamad Wajdi, Kerajaan memang telahpun menyediakan insentif bagi syarikat-syarikat yang mengadakan latihan untuk pekerja-pekerjanya. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong, Kerajaan memang sedang menggalakkan pelabur-pelabur menempatkan projek-projek mereka di kawasan-kawasan luar daripada principles growth areas, dengan izin, memandangkan kawasan-kawasan ini sedang menghadapi masalah kekurangan pekerja dan tanah perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, ada di antara Ahli-ahli Dewan ini yang menyarankan supaya pentadbiran awam diperbaiki dan diperkemaskan lagi. Sebenarnya dalam rancangan RRJP2, Kerajaan telah menyebutkan bahawa pencapaian matlamat pertumbuhan dan pengagihan yang saksama memerlukan peningkatan kekesanan pentadbiran dan jentera Kerajaan sendiri. Dengan itu sistem pentadbiran akan diperbaiki lagi dan kekesanannya dalam pentadbiran akan dipertingkatkan bagi memudahkan peraturan dan procedure di samping meningkatkan kekesanan strategi penyusunan semula dan sumber manusia serta memperdalamkan dan mempelbagaikan lagi barangan pembuatan untuk eksport...

Kerajaan juga akan memastikan supaya rakyat berpendapatan rendah akan diberi tumpuan khas. Usaha Kerajaan ke arah ini ialah supaya ia akan dapat dimanfaatkan faedahnya kepada golongan yang berpendapatan rendah dalam arus pembangunan ekonomi negara. Dengan itulah sebagai menjelaskan kesangsian yang mungkin timbul, yang dibangkitkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat bahawa program kemiskinan tidak menepati sasarannya, Kerajaan akan mengemaskinikan daftar golongan termiskin, supaya ia dapat dibantu dengan berkesan, dengan ia dikenalpasti supaya dapat tiba kepada sasaran yang dikehendaki.

Selain daripada itu, Kerajaan juga akan mengkaji kesesuaian sistem upahan semasa untuk memastikan pasaran buruh lebih licin dan bersesuaian dengan peningkatan produktiviti dan kemungkinan pelabur mendapat keuntungan yang saksama di samping memberi tenaga kerja yang bermanfaat daripada upahan yang saksama kepada kerja yang mereka lakukan. Kerajaan berpendapat hanyalah melalui peningkatan produktiviti dan keuntungan sahaja majikan berkeupayaan menggaji lebih banyak tenaga kerja di samping meningkatkan kadar upah.

Tuan Yang di-Pertua, seorang Ahli Dewan membangkitkan isu pembangunan di Sabah dan Sarawak yang tidak begitu pesat berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung. Harus dijelaskan di sini bahawa kepesatan perkembangan ekonomi negara dalam dua dekad yang lalu di bawah DEB telah memanfaatkan semua kaum dan semua negeri. Adalah sesuatu yang menjadi lumrah pembangunan, apakala beberapa negeri bertumbuh lebih pesat, berbanding dengan negeri-negeri yang lain, kerana negeri-negeri tersebut lebih menarik minat pelabur. Dengan demikian, jurang pembangunan antara

negeri mungkin bertambah luas. Namun begitu, Kerajaan di bawah RRJP2 akan meningkatkan usahanya untuk memesatkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi negeri-negeri yang lambat maju seperti Kelantan, Kedah, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah naungan DPN, Kerajaan akan memperluaskan dan memperbaiki lagi asas ekonomi negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan, Kedah, Sabah dan Sarawak melalui pelaburan dalam memperbaiki infrastruktur sosial, ekonomi dan fiskal di negeri-negeri tersebut. Kemudahan-kemudahan sosial seperti pendidikan dan kesihatan akan juga dipertingkatkan lagi bagi membolehkan rakyat miskin di negeri-negeri tersebut mendapat manfaat yang setanding dan setaraf dengan rakyat di negeri-negeri lain di Malaysia ini supaya peluang pekerjaan dan pendapatan serta mobiliti mereka dapat dipertingkatkan untuk membolehkan golongan miskin terlepas daripada cengkaman kemiskinan. Ini juga akan menjadikan negeri-negeri tersebut lebih menarik kepada pelabur, terutama pelabur-pelabur asing yang berminat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga menjadi hasrat Kerajaan di bawah RRJP2 supaya pembangunan di Sabah dan Sarawak dapat diselaraskan dengan pembangunan di negeri-negeri Semenanjung dengan mengintegrasikan pembangunan kedua-dua negeri tersebut selaras dengan cita-cita kita untuk mewujudkan integrasi nasional. Kedua-dua negeri ini, sebagaimana yang kita sedia maklum, kaya dengan sumber yang boleh dioptimumkan untuk membangunkan negara dan ekonomi negeri tersebut, di samping merapatkan lagi pertalian dan pencukupan ekonomi Sabah dan Sarawak dengan ekonomi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Ini akan

mbolehkan integrasi nasional, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, dapat dipertingkatkan dan dicapai dengan lebih segera lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan pada hari ini, semasa membahaskan usul yang dibawa, bercakap menyentuh tentang perkara-perkara detail, tentang program dan projek—saya ingin menerangkan mungkin Ahli-ahli Dewan terkeliru sedikit kerana Kerajaan mengumumkan RRJP2, DPN dan RM6 dalam masa yang dekat dan dalam sesi persidangan yang sama. Dengan itu, ada beberapa isu yang Ahli-ahli Yang Berhormat bangkitkan, lebih baik kami perelaskan dalam perbahasan tentang RM6. Isu-isu tersebut adalah meliputi teras pembangunan sektor, seperti sektor pembuatan, pertanian, perlombongan, infrastruktur, pembesaran lapangan terbang, misalnya Batu Berendam di Melaka, bekalan air Sungai Muar ke Melaka dan lain-lain sektor sosial seperti pendidikan dan kesihatan. Dengan itu saya rasa Kerajaan akan menjelaskan lagi aspek-aspek ini kemudian kelak. Dengan itu saya mohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan beberapa isu-isu yang tertentu yang tidak saya perkhhususkan dalam jawapan saya, oleh kerana di dalam penggulungan ini saya hanya perlu bagi tujuan memberikan pandangan secara keseluruhan kepada RRJP2 dan DPN.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba mengulas dengan secara ringkas, sebagaimana yang saya telah katakan tadi, iaitu beberapa perkara yang menyentuh RRJP2 dan DPN yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan ini sebagai menjelaskan lagi hasrat,

komitmen dan cita-cita Kerajaan sebagaimana yang terkandung di dalam RRJP2. Perkara-perkara yang lebih mirip menyentuh perspektif pembangunan di bawah RM6 akan disentuh semasa membahaskan RM6 nanti. Saya percaya apabila Ahli Dewan sempat mengamati dengan teliti dokumen RRJP2 akan jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa DPN adalah satu dasar yang lebih pragmatis dan realistik daripada dasar-dasar sebelum ini. Ini adalah kerana kita telah mengalami perkembangan sepanjang 20 tahun dalam melaksanakan DEB dan kita lebih sedar tentang kelemahan dan kekurangan yang ternyata dalam DEB. Justeru itu, Kerajaan lebih yakin bahawa DPN ini akan mampu membawa negara kita ke mercu dan tahap kejayaan yang lebih pesat dan saksama iaitu pra-syarat yang paling penting, iaitu komitmen, penglibatan, sokongan dan kerjasama semua Ahli-ahli Yang Berhormat bagi menjayakan satu visi negara kita bagi mencipta satu negara yang gemilang, iaitu negara Malaysia di mana semua kaum dapat terlibat di dalam menikmati kekayaan dan pertumbuhan ekonomi.

Insya-Allah, dengan sokongan sebagaimana yang saya katakan dan juga dedikasi rakyat jelata yang berfikiran waras, dan ingin semuanya mencapai kemakmuran, kita akan mencapai kejayaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu:

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosio-ekonomi negara bagi tempoh

dua puluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, 1971-1990 dan Dasar Ekonomi Baru;

mengambil maklum dan merestui usaha-usaha Kerajaan yang berterusan dalam melaksanakan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program untuk mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, menerusi Dasar Ekonomi Baru, bagi mencapai perpaduan negara serta mengekalkan pembangunan yang stabil dan berterusan di dalam persekitaran yang aman, stabil dan selamat;

melulus dan menyetujui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Nasional, yang menetapkan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar yang akan diikuti di dalam usaha negara mencapai matlamat yang dirancangkan untuk dekad akan datang seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1991;

Bahawa, dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Nasional, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat bekerja dengan lebih gigih dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersama-sama bersatupadu dalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdayatahan,

hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosio-ekonomi negara bagi tempoh dua puluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, 1971-1990 dan Dasar Ekonomi Baru;

mengambil maklum dan merestui usaha-usaha Kerajaan yang berterusan dalam melaksanakan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program untuk mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, menerusi Dasar Ekonomi Baru, bagi mencapai perpaduan negara serta mengekalkan pembangunan yang stabil dan berterusan di dalam persekitaran yang aman, stabil dan selamat;

melulus dan menyetujui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Nasional, yang menetapkan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar yang akan diikuti di dalam usaha negara mencapai matlamat yang dirancangkan untuk dekad akan datang seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1991;

Bahawa, dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Nasional, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat bekerja dengan lebih gigih dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersama-sama bersatupadu dalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdayatahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kesemua urusan yang ada di dalam mesyuarat ini telah diselesaikan dan oleh sebab itu di bawah Peraturan Mesyuarat 15(7) dengan ini saya menangguhkan

mesyuarat ini sehingga hari esok pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.53 petang.